


Jilid I  
Bil. 97



Hari Khamis  
22hb November, 1979

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**

*House of Representatives*

**PARLIMEN KELIMA**

*Fifth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

## **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**[Ruangan 10427]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1980—**

*Jawatankuasa (Hari Ketujuh):*

*Jadual:*

**Maksud B. 25 [Ruangan 10454]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1980—**

*Jawatankuasa (Hari Ketujuh):*

**Maksud P. 25 [Ruangan 10454]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat)

„ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Pertanian, DATO' SHARIEF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping)

„ Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).

- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).

Yang Berhormat TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).

- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).

Yang Berhormat TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).

- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Khamis, 22hb November, 1979

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**BEKALAN MINYAK TANAH**

**1. Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah bekalan minyak tanah mencukupi pada masa sekarang; jika cukup, mengapa kekurangan terdapat di pasaran terutama di luar bandar.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak menafikan bahawa terdapat masalah bekalan minyak tanah, terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar atau pendalaman, tetapi ingin saya menegaskan bahawa masalah ini adalah merupakan masalah secara terencil (*isolated*) dan bukanlah satu masalah yang menyeluruh. Masalah ini timbul dari segi logistik dan bukan dari bekalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bekalan minyak tanah di Negara ini bagi sembilan bulan pertama tahun 1979 adalah sebanyak 70,913,710 gelen dan ini bermakna tambahan sebanyak 3,941,851 gelen jika diperbandingkan dengan bekalan minyak tanah bagi jangka masa yang sama pada tahun 1978 iaitu berjumlah sebanyak 66,971,859 gelen pada keseluruhannya peratusan penambahan bekalan adalah sebanyak 5.89%.

Di antara masalah logistik yang dimaksudkan itu ialah pengedaran dan sebagainya. Masalah seperti ini berlaku disebabkan di

dalam urusan minyak tanah ini terdapat tingkatan-tingkatan peniaga yang melaksanakan perniagaan tersebut. Pada lazimnya jika berlaku kekurangan di sesuatu kawasan, Kementerian saya telah dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memulihkan keadaan itu. Di samping itu juga untuk mengatasi masalah yang dinyatakan di atas, beberapa langkah telah diambil dan dipraktikkan oleh Kementerian saya iaitu:

- (i) Mengadakan peraturan bagi mengkehendaki setiap pengedar dan pembekal minyak tanah mengemukakan maklumat-maklumat bagi bekalan yang telah diterima dan diedar di dalam suatu penyata bulanan. Tindakan ini adalah untuk menentukan sama ada bekalan minyak tanah yang diterima mencukupi atau tidak bagi sesuatu kawasan;
- (ii) Mengadakan peraturan untuk mengkehendaki semua Syarikat-syarikat minyak dan pengedar-pengedar minyak tanah mengemukakan maklumat ke atas pengedar minyak tanah yang akan diperbuat di sebuah Negara sebulan lebih awal daripada tarikh pengedaran yang ditetapkan di dalam penyata yang dikemukakan. Tindakan ini adalah untuk membolehkan pengawasan dan pengawalan dilakukan di seluruh Negara bagi mengelakkan daripada penyelewengan berlaku;
- (iii) Mempergiatkan lagi pemeriksaan ke kawasan-kawasan di bandar atau di luar bandar bagi menentukan adanya bekalan minyak tanah untuk pengguna-pengguna di samping mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang mengambil kesempatan melakukan penyelewengan;
- (iv) Meminta PETRONAS untuk memasuki pasaran runcit minyak tanah dan setakat ini PETRONAS telah membuka 14 stesyen minyak tanah di seluruh

Negara. Sehingga bulan Oktober, 1979 PETRONAS telah membekalkan sebanyak 1,037,644 gelen minyak tanah di pasaran dalam Negara ini.

### **KELAHIRAN BAYI RAKYAT SINGAPURA DI JOHOR**

**2. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar ramai rakyat Singapura sengaja datang melahirkan bayi di Johor. Jika ya, sampai bilakah keadaan ini akan dibiarkan dan apakah kesan undang-undang ekor dari kelahiran bayi di bumi Malaysia ini.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah sentiasa berwaspada, mengawasi dan mengawal kemasukan rakyat Singapura yang bertujuan melahirkan anak di Johor. Dalam menentukan taraf kewarganegaraan bayi tersebut pula tidaklah timbul sebarang masalah kerana seorang bayi yang dilahirkan di Malaysia tidak boleh menjadi warganegara, kecuali memenuhi sebagaimana syarat-syarat yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sama ada Kerajaan kita bercadang supaya perempuan-perempuan yang hamil itu tidak dibenarkan memasuki dalam negara kita seperti yang dibuat oleh negara Singapura terhadap perempuan-perempuan kita.

**Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah Kerajaan sekarang ini sedang mengawasi dan menghalang perempuan-perempuan yang mengandung untuk masuk ke negara ini khususnya dari Singapura.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Speaker, soalan No. 3.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

### **TELEFON—PEMOHON**

**3. Tuan Karpal Singh** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar akan aduan-aduan yang sering dibuat oleh pengguna-pengguna telefon yang mereka dikenakan bayaran yang berlebihan (over-charged); jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut; dan tentang kelambatan yang diakibatkan apabila seseorang hendak mendapatkan telefon terutama sekali di Pulau Pinang; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menampung keperluan telefon.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk menjawab soalan di bahagian pertama, kerana Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos telah menjawab soalan seperti itu ketika menjawab pertanyaan mulut Ahli Yang Berhormat dari Semerah pada 8hb Oktober yang lalu.

Berkenaan dengan kelambatan bagi mendapatkan telefon oleh pemohon-pemohon di Pulau Pinang, sukalah saya memaklumkan di sini bahawa kelambatan ini berlaku kerana kekurangan talian-talian kabel telefon. Pada masa sekarang Jabatan Telekom sedang mempergiatkan kerja-kerja menambah talian kabel telefon di Pulau Pinang dengan dibantu oleh pihak swasta dalam usahanya untuk mempercepatkan lagi kerja-kerja bagi membekal talian-talian tersebut untuk menampung permintaan yang kian bertambah. Kementerian saya percaya bahawa cara ini akan dapat mengurangkan masa menunggu bagi pemohon-pemohon perkhidmatan telefon.

**Tuan Lee Kaw:** Soalan tambahan. Tuan Speaker, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sedar bukanlah sahaja aduan-aduan kepada membayar lebih tetapi di Keluang banyak aduan-aduan oleh sebab bil bulan September baru datang 2-3 hari dahulu dalam bulan November. Jadi apa tindakan boleh diambil untuk menghantar bil ini dalam masa yang lebih cepat oleh kerana akaun-akaun telefon ini ada di atas nama orang sewa rumah dan orang itu sudah berpindah.

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar aduan-aduan mengenai kelambatan menerima bil-bil telefon. Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pada awal tahun depan Jabatan Telekom akan mengeluarkan satu bil yang baru yang mana bil ini akan menggunakan mesin yang akan mencetak bil dengan cara yang lebih segera dan dengan ini saya percaya kelambatan mendapat bil-bil telefon akan datang diatasi.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 4.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

#### PAKAR BEDAH/DOKTOR LETAK JAWATAN

**4. Tuan Hussein bin Mahmood** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatak bilangan pakar-pakar bedah dan doktor-doktor yang telah berhenti dari perkhidmatan Kerajaan semenjak tahun 1977 hingga 1979 dan sebab-sebabnya.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, pakar-pakar Bedah yang telah berhenti dari perkhidmatan Kerajaan dari 1977 hingga bulan September, 1979 ialah seramai 18 orang dan dalam tempoh yang sama seramai 463 orang doktor telah meletakkan jawatan.

Sebagaimana yang pernah dimaklumkan dalam persidangan-persidangan yang lepas dan dalam persidangan ini juga, mengikut syarat-syarat perkhidmatan yang berkuatkuasa sekarang seseorang Pegawai Kerajaan yang ingin meletakkan jawatan tidak perlu memberi apa-apa sebab. Oleh itu, Kementerian Kesihatan tidak dapat tahu secara rasmi sebab-sebab Pakar-pakar Bedah dan Doktor-doktor meletakkan jawatan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Kerajaan tidak tahu secara rasmi kenapa ada perletakan jawatan beramai-ramai doktor-doktor dan surgeon tetapi oleh kerana masalah ini begitu serius,

adakah Kerajaan akan mengadakan satu siasatan untuk menyenaraikan, dapat satu senarai sebab-musabab perletakan jawatan doktor-doktor dan surgeon supaya masalah ini boleh diatasi dan sebab-musabab ketidakpuasan hati dalam perkhidmatan inipun boleh diatasi.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya jawab dalam minggu yang lepas atas soalan yang lebih kurang sama maksudnya sungguhpun pihak pegawai Kerajaan tidak dikehendaki memberi sebab-sebab mereka meletak jawatan, walau bagaimanapun Kementerian ini sentiasa mengkaji untuk menentukan sebab-sebab mereka meletakkan jawatan. Di antara sebab-sebab sepertimana yang saya sebutkan pada masa yang lepas, ialah masalah peribadi dan masalah-masalah lain. Dalam hubungan ini pihak Kementerian Kesihatan walaupun sepertimana kata saya dalam minggu yang lepas telah menubuhkan satu Jawatankuasa untuk mengkaji service matters terutama sekali dan membuatkan beberapa rumusan untuk dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian ini untuk menyekat Pakar-pakar Bedah dan juga doktor-doktor berhenti dari perkhidmatan Kerajaan?

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa adalah sukar bagi kita menyekatkan mereka dengan cara compulsion hendak meletakkan jawatan. Walau bagaimanapun, di antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan ialah supaya memberi mereka peluang untuk naik pangkat, iaitu promotional opportunities adalah ditambahkan dan sepertimana kata saya tadi satu Jawatankuasa Khas telah ditubuhkan untuk mengkaji masalah ini dan mengemukakan rumusan kepada pihak Kerajaan. Selain dari itu peluang juga diberi kepada pakar-pakar kita untuk menjalani latihan yang lebih lanjut lagi, iaitu post-graduate studies dan menghadiri seminar-seminar dan woksyp-woksyop supaya dengan cara begini dapatlah kita mengekalkan mereka di dalam bekerja dengan pihak Kerajaan selain daripada menambahkan ilmu pengetahuan mereka demi kepentingan rakyat.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menyedapkan hati pemimpin DAP yang bertalu-talu mendesak laporan demi laporan supaya pihak Kerajaan memberitahu kepada Dewan ini. Adakah satu laporan berkenaan dengan restructure perkhidmatan doktor-doktor ini telahpun disiapkan oleh pihak Kerajaan dan sekiranya telah siap, apakah tindakan Kerajaan selanjutnya yang boleh menguntungkan kedua-dua belah pihak?

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya laporan yang dibuat oleh Jawatankuasa itu telah siap, saya ada bawa di sini—tebalnya dan dukacita saya tidak dapat memberitahu kandungan dalam laporan ini oleh kerana saya rasa adalah menjadi tidak wajar bagi saya mengdisclosekan apa kandungannya sebelum ia diserahkan kepada pihak Kerajaan dan pihak Kerajaan membuat apa-apa keputusan. Mungkin untuk memberi pandangan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta izin membaca sedikit sahaja daripada contentnya dalam bahasa Inggeris.

Umpamanya dalam contentnya ini ada mengatakan, "Purpose and Scope kajian ini dan juga Background; Doctor situation; Position of Dental Officers; Pharmacists; Approach to review—present situation; Total structure; Comparison with other services; Career Progression; Weightage and grading differential; Management function of health professional; Health Service and Integrated Service; Factors in job satisfaction and job dissatisfaction; Comparability and relativity of grade; Administrative Medical Officers; Clinical Specialists and Reorganizational and grading of posts". Ini di antara beberapa kandungan yang telah dimasukkan dalam laporan ini untuk diserahkan kepada pihak yang berkenaan supaya dapat dikaji dan kita harap ianya mendapat kelulusan. Dengan cara begini nanti dapatlah kita harap menahankan banyak lagi doktor-doktor kita dan pakar-pakar kita dalam Jabatan Kerajaan. Ini telah disiapkan bulan November, 1979.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan ada berkata bahawa 18 orang Pakar-pakar Bedah dan lebih daripada 400 orang doktor-doktor telahpun berhenti dari perkhidmatan Kerajaan di antara tahun 1977 dan 1979. Saya ingin tahu sama ada kekosongan yang telah

diakibatkan oleh pemberhentian dari perkhidmatan oleh Pakar-pakar Bedah dan doktor-doktor ini sudah diisikan sekarang ataupun belum atau apakah tindakan yang diambil untuk mengisikan kekosongan yang telah diwujudkan oleh pemberhentian ini.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa jawatan yang telah dikosongkan oleh pihak pakar-pakar ini telah diisikan dengan pakar-pakar yang kita dapat dari luar negeri, umpamanya dari negeri Burma. Baru-baru ini umpamanya 4 orang pakar telah dihantar ke negeri Sarawak: 1 surgeon, 1 physician, 1 eye specialist, 1 pathologist—semuanya pakar. Begitu juga untuk negeri-negeri lain dalam Malaysia ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya siapa yang menganggotai jawatankuasa yang ada disebutkan yang sudah siap dalam laporan itu dan sama ada dalam membuat laporan itu bahawa wakil-wakil doktor-doktor dan pakar-pakar dalam perkhidmatan ada dapat peluang memberi pendapat dan sumbangan mereka dan sama ada laporan ini juga akan diberi kepada wakil-wakil doktor dan pakar-pakar dalam perkhidmatan untuk memberi pendapat mereka.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya pernah menyatakan siapa dia ahli-ahli jawatankuasa di dalam jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perubatan (Director-General) dan perkara ini merupakan satu service matter—satu perkara yang internal. Jadi saya rasa tidak perlu kita mengambil orang luar daripada jabatan kita selain daripada mereka yang ada terlibat iaitu mungkin daripada Kementerian lain, PSD misalnya dan saya yakin bahawa pandangan daripada pakar-pakar yang terlibat telahpun diambil hitung.

## HOSPITAL BESAR/DAERAH MENGADAKAN KERETA MAYAT

**5. Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan hospital daerah di Semenanjung Malaysia ini yang mempunyai kereta mayat sendiri dan sama ada Kementerian bercadang hendak melengkapkan tiap-tiap hospital daerah dengan sebuah kereta mayat dan jika ya bilakah rancangan ini akan dilaksanakan, jika tidak mengapa.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang, semua Hospital Besar iaitu sebanyak 12 buah dan 18 buah Hospital Daerah di Semenanjung Malaysia mempunyai kereta mayat.

Suka saya maklumkan bahawa adalah menjadi dasar Kementerian Kesihatan untuk membekalkan kereta mayat bagi semua Hospital Besar dan Hospital Daerah di Semenanjung Malaysia. Oleh yang demikian, Kementerian ini akan memperolehi sebanyak 36 buah kereta mayat lagi pada tahun 1980 dan dengan itu semua Hospital Besar dan Hospital Daerah di Semenanjung Malaysia akan mempunyai kereta mayat.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 6.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang di bawah nama Ahli Yang Berhormat dari Kemaman.

#### JAMINAN KESELAMATAN DI NEGARA-NEGARA ASEAN

**6. Tuan Ismail bin Said** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan kepada pergolakan politik masih tenat dan tegang di Kampuchea dan keadaan yang sama dialami juga di sempadan Thai-Kampuchea, apakah rancangan setakat ini untuk menjamin keselamatan negara-negara ASEAN supaya masalah yang dihadapi oleh negara-negara tersebut tidak melarat ke sini.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Malaysia telah mengambil tindakan segera bersama dengan negara-negara ASEAN yang lain untuk memben-  
dang kemerebakkan persengkitaan di Kampuchea.

Di mesyuarat peringkat Menteri-menteri Luar ASEAN Yang Ke 12 di Bali, Menteri-menteri ASEAN telahpun bersetuju bahawa sekiranya persengkitaan di Kampuchea bertambah buruk ataupun sekiranya ada apa-apa pencerobohan tentera asing terhadap negara

Thailand ini akan secara langsung menjejaskan keselamatan, keamanan dan kestabilan ASEAN. Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain telah seringkali menegaskan tentang keperluan untuk diadakan satu penyelesaian politik terhadap persengkitaan di Kampuchea.

Disebabkan oleh kebimbangan kita ini, kita telah meminta Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk menimbangkan perkara ini sebagai satu perkara di dalam agenda di Perhimpunan Agung.

Berhubung dengan perkara ini ASEAN telah mengusulkan satu resolusi berkenaan perkara ini. Antara lain, resolusi tersebut menyeru agar diberhentikan segera pertikaian ini dan pengunduran serta-merta tentera-tentera asing dari Kampuchea.

Selanjutnya resolusi tersebut menggesa supaya campurtangan asing dielakkan dari urusan hal ehwal dalam negeri Kampuchea meminta Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu berikhtiar mencari penyelesaian secara aman berhubung dengan perkara ini termasuklah kemungkinan diadakan satu mesyuarat antarabangsa berkenaan dengan Malaysia di Kampuchea. Sambil itu resolusi ini juga menyeru agar bantuan peri kemanusiaan segera diberikan kepada rakyat Kampuchea sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum negara kita ini telah menerima sokongan terbanyak dari negara-negara ahli.

Persengkitaan di Kampuchea ini membuktikan keperluan mencapai matlamat ZOPFAN di mana yang diharapkan kerap kali kita telah sebutkan. Oleh itu kita sedang terus berusaha untuk mencapai matlamat-matlamat tersebut sebagai satu dasar untuk menjamin keamanan, kestabilan dan pengecualian rantau ini. Di samping itu Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain juga sedang berusaha untuk mencapai ketabahan serantau melalui pembangunan sosio-ekonomi negara masing-masing.

Selain daripada tindakan-tindakan di atas, kita juga sedang berusaha di peringkat dua hala untuk meningkat kerjasama di bidang keselamatan dengan Thailand dan Indonesia disebabkan ASEAN bukanlah satu pakatan tentera.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga mungkin sedar semasa lawatan Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri ke Chiangmai, Thailand beliau telahpun menegaskan bahawa kedua-dua negara kita ini adalah seperti Siamese twin dan terpaksa berusaha untuk mengukuhkan lagi persahabatan dan kerjasama yang sedia terjalin untuk menghadapi apa-apa cabaran dan ancaman di rantau ini. Sikap ini sekali lagi telahpun ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri semasa lawatan Tun Kriangsak Chomanan baru-baru ini. Malaysia seterusnya akan memberikan sokongan kepada Thailand untuk menjamin kedaulatan dan keutuhan wilayahnya. Malaysia akan tidak berdiam diri, dengan izin, insensitive and indifferent kepada apa yang akan berlaku ke Thailand. Sewajarnya setiap negara ASEAN harus memperkukuhkan ketabahan dan ketahanan masing-masing. Oleh itu nescaya Malaysia sendiri sentiasa berwaspada untuk menghadapi sebarang ancaman berikutan perkembangan di Kampuchea sambil berusaha meningkatkan lagi langkah-langkah diplomatik dan berusaha mencari satu penyelesaian politik berhubung dengan masalah ini.

Sukalah juga saya tambahkan sungguhpun dengan Vietnam ada perbezaan pendapat kita dari hal Kampuchea ini, Malaysia berharap hubungan dua hala yang sekarang ini sedia terjalin di antara Malaysia dengan Vietnam akan sedia ada supaya dialog dan perhubungan dapat diadakan setiap masa untuk mencari persefahaman dan penyelesaian agar keamanan dan kestabilan dapat dikembalikan pada masa akan datang di Asia Tenggara khususnya di Indo-China.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak silap negara Malaysia kita pernah menandatangani satu perjanjian pertahanan bersama dengan Australia dan New Zealand. Soalan saya adakah perjanjian pertahanan bersama dengan Australia dan New Zealand itu masih berkuatkuasa. Kalau masih berkuatkuasa, jika negara kita diserang dari luar, adakah negara-negara yang membuat perjanjian bersama dengan kita itu akan memberi bantuan kepada negara kita.

**Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah menegaskan di sini Five-Power Defence Arrangement adalah bukan satu perjanjian military pact.

Itu tidak ada sebab, umpamanya seperti NATO, Warsaw dan juga perjanjian-perjanjian ketenteraan yang lain. Itu adalah satu arrangement yang mula-mula diadakan di antara Malaysia dengan negara-negara yang berkenaan. Arrangement—bukan pakatan, maka saya rasa tidaklah saya rasa kita boleh membuatkan persamaan di antara Five-Power Defence Arrangement ini.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan krisis sekarang yang ada di sempadan Thai/Kampuchea hari ini maka bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan yang mulia ini apakah pendirian rasmi Malaysia jika berlaku sesuatu pencerobohan tentera kepada Thailand dan juga apakah persiapan akan diadakan oleh Malaysia untuk menghadapi pencerobohan itu?

**Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, itu satu soalan hypothetical. Walau bagaimanapun, saya telah jawab dalam jawapan saya iaitu mengatakan, kalau saya boleh diizinkan sekali lagi (reiterate) ataupun ulang sekali lagi iaitu Malaysia akan memberikan sokongan kepada Thailand untuk menjamin kedaulatan dan keutuhan wilayahnya. Malaysia tidak akan berdiam diri atau insensitive and indifferent kepada apa yang akan berlaku kepada Thailand.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada berkata bahawa Malaysia tidak akan insensitive and indifferent, saya ingin tahu sama ada ini bermakna bahawa Malaysia akan memberi pertolongan ketenteraan kepada Thailand?

**Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi itu hypothetical question, saya tak boleh beri hypothetical answer.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, jika saya tak salah, Yang Berhormat Menteri pun telah mengumumkan bahawa beliau akan melawat Hanoi dan memandangkan penjelasan tadi bahawa sikap negara itu adalah berlainan dengan negara kita, apakah kejayaan yang diharapkan akan dicapai dalam lawatan itu?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan itu tidak berkaitan dengan soalan asal, maka saya tolak soalan itu.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri apakah dengan sikap pendirian negara kita dan ASEAN selanjutnya terhadap negara-negara yang bersekitar itu, apakah reaksi negara yang terlibat dan juga negara komunis terhadap negara kita dan juga ASEAN sekarang ini?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sebut sekali lagi soalan itu!

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Dengan sikap dan pendirian negara kita dan ASEAN seluruhnya terhadap negara bersekitar itu apakah reaksi negara yang terlibat dan juga negara-negara komunis yang lain terhadap negara kita dan juga negara ASEAN sekarang ini?

**Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya telah jelaskan seringkali pendirian Malaysia terhadap perkara ini adalah semata-mata di atas prinsipnya (principle) berasaskan kepada norma-norma (norms) ataupun dasar-dasar yang telahpun tercatat di dalam piagam Bangsa-bangsa Bersatu dan juga perhubungan peraturan antarabangsa di antara satu negara dengan satu negara iaitu berhubung dengan kedaulatan satu-satu negara mesti dihormati, keutuhan wilayah satu-satu negara mesti dihormati dan campurtangan dalam hal ehwal dalam negeri lain tidak boleh dibenarkan oleh satu-satu negara dari luar. Perbezaan pendapat ini sepertimana saya telah sebutkan itu ada di antara negara-negara yang berkenaan dengan Malaysia dan juga negara-negara ASEAN yang lain tetapi sepatutnya apa, yang telahpun dibuktikan di dalam Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini apabila usul ASEAN yang dibawa oleh ASEAN dan juga negara-negara Ahli-ahli Bangsa-bangsa Bersatu mendapat undi sebanyak 91—overwhelming majority. Saya rasa perlulah jika ada pendapat buat masa sekarang ini negara-negara yang berkenaan itu mestilah pinda pendapatnya untuk bersama memberikan sokongan supaya kita dapat penyelesaian politik bersabit dengan hal Kampuchea itu, kerana kita Malaysia dengan negara ASEAN dan juga dengan negara-negara lain yang bersama dengan kita menaruh kepercayaan dan ada keyakinan iaitu untuk penyelesaian ini dengan kerjasama negara-negara yang berkenaan kita akan dapat berjaya dan dapat menyelesaikan masalah ini demi kestabilan

dan keamanan rantau ini dan demi juga kebaikan yang penting sekali peri kemanusiaan orang-orang Kampuchea, orang Khmer yang sekarang ini keluar dengan beramai-ramai (exodus) ke negara Thailand yang mana akan juga mengakibatkan dari segi peri kemanusiaan akan menimpa mereka. Saya rasa kesiksaan dan kesengsaraan mereka yang bukan kesalahan mereka.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tak silap saya Yang Berhormat Menteri sebentar tadi mengatakan tidak akan bersikap insensitive and indifferent terhadap Thailand sekiranya sesuatu perkara yang buruk berlaku terhadap Thailand, soalan saya adakah ini merupakan juga satu pendirian ASEAN keseluruhannya ataupun terdapat juga negara-negara ASEAN yang lain mempunyai pendirian yang sama dengan Malaysia dalam hal ini?

**Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka rujukkan kepada Communique Bali yang mana pendapat yang telahpun ditandatangani oleh Menteri Luar Negara-negara ASEAN yang lain iaitu memberi sokongan yang penuh kepada kedaulatan dan keutuhan wilayah Thailand. Ini adalah menunjukkan pandangan dan persefahaman negara-negara ASEAN yang lain.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Bernormat Menteri telah membangkitkan soal Peraturan atau Perjanjian Lima Negara. Jadi, saya ingin Yang Berhormat Menteri memberitahu apakah keuntungan ataupun apakah bentuk bantuan yang dapat diperolehi oleh negara kita jika diancam dari luar. Kedua, jika bantuan yang dapat diperolehi dari Peraturan tadi terlalu samar-samar maka apakah untungnya kita mengekalkan Arrangement itu?

**Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Five-Power Defence Arrangement itu, jika kita hendak katakan untung, saya rasa susah ditentukan sekarang ini dan hendak dikatakan rugi tidak sekali-kali.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sehingga sekarang semua usaha-usaha dan ikhtiar Malaysia dan ASEAN gagal untuk selesaikan tragedi di Kampuchea dan

krisis di Sempadan Kampuchea dan Thailand yang mengancam keselamatan dan kestabilan serantau ini adakah Kerajaan Malaysia bercadang hendak invoke atau menggunakan Piagam Bangsa-bangsa Bersatu di mana mencadangkan mengadakan satu pasukan pengaman atau international peace-keeping force untuk serantau ini khasnya di sempadan Kampuchea dan Thailand dan mencapai tiga matlamat. Yang pertama untuk memberhentikan campurtangan kuasa-kuasa luar, kedua untuk menyelamatkan rakyat Kampuchea dan ketiga untuk mengawalkan keutuhan negara-negara Asia Tenggara.

**Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-haj:**

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat dari Petaling patutlah mengatakan Malaysia berjaya, bukan gagal dan janganlah memulakan pertanyaan mengatakan Malaysia gagal, Malaysia berjaya (*Tepuk*). Saya suka mengatakan kerana saya tak puas hati sangat pihak Pembangkang itu menudungkan mata orang, tetapi saya rasa memang Ahli Yang Berhormat itu di sini cuba hendak menudung kejayaan Kerajaan. Walau bagaimanapun Pembangkang itu tidak akan berjaya oleh kerana perkara ini sebenarnya berlaku iaitu kejayaan Malaysia dengan negara ASEAN yang lain yang telah dicapai dalam arena diplomasi, bukan sahaja baru-baru ini bahkan daripada mula kita mendapat kemerdekaan. Sebab itu saya minta Yang Berhormat tadi tolong mulakan preamble soalnya dengan perkataan yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab kedudukan ini, suka saya mengatakan jika Yang Berhormat itu melihat skop resolusi yang telah dikemukakan dalam Bangsa-bangsa Bersatu yang mendapat kejayaan itu, kita serahkan perkara ini modality dan patternnya untuk menyelesaikan masalah politik ini kepada Setiausaha Agong Bangsa-bangsa Bersatu, Mr Kurt Waldheim. Kalau kita cadang mengadakan peace-keeping force, ini dikatakan ada ASEAN, barangkali tidak terima, baiklah kita beri 100% kebebasan discretion, kebijaksanaan Setiausaha Agong Bangsa-bangsa Bersatu, Mr Kurt Waldheim, untuk melaporkan balik sepertimana yang tersebut dalam resolusi kepada Bangsa-bangsa Bersatu, ini cadangan. Adakah hendak adakan peace-keeping force atau cara mana yang lain yang sesuai boleh diterima oleh Bangsa-bangsa Bersatu demi

untuk mencapai penyelesaian politik agar keamanan dan kestabilan dapat kembali ke rantau ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit penjelasan tentang saya gunakan kalimah gagal. Resolusi ASEAN di Bangsa-bangsa Bersatu ada berjaya, tetapi kita tidak boleh nafi bahawa masalah Kampuchea masih gagal diatasi. Sebab itu saya kemukakan soalan ini . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dalam perkara gagal ini, yang sebenarnya belum selesai.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yalah, resolusi berjaya tetapi masalah gagal dapat satu penyelesaian itu tidak dapat dinafikan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dari segi bahasa, kalau dikatakan gagal, perkara itu telah diselesaikan tetapi tak dapat penyelesaian. Tetapi apabila perkara itu masih dalam perundingan maka perkara itu masih dalam pertimbangan belum boleh dikatakan gagal lagi (*Tepuk*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya kata gagal apabila berjuta-juta orang sudah mati sampai hari ini belum boleh diberhentikan itu? Tak payah pun kita pertikaikan masalah kegagalan sama ada gagal tak gagal. Dalam Bangsa-bangsa Bersatu berjaya. Masalah yang pihak kita mahu tahu, apakah satu jalan untuk dapat mengatasinya?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soal mati, hidup itu di tangan Tuhan (*Ketawa*). Soal mati, hidup kuasa Tuhan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau begitu tidak payah pergi ke Bangsa-bangsa Bersatu.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Duduk dahulu sekejap! (*Kepada Tuan Lim Kit Siang*) Perkara kematian ini bukan soal negeri kita sahaja, ini soal kemanusiaan, penyakit dan macam-macam lagi. Tidak ada perang sekalipun, di Iran ada yang mati. Tak usahlah kita sebutkan perkara yang tidak tepat kepada soalan asal.

**Tuan Chan Teck Chan:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu Dewan ini apakah bentuk sokongan yang akan diberi oleh Malaysia kepada Thailand kalau berlaku pencerobohan . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat soalan ini telah berkali-kali dikatakan hypothetical, jangan ditanya. Kalau-kalau jangan dibawa.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan saya ialah bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu dalam Dewan ini apakah bentuk sokongan dari Malaysia akan diberi kepada Thailand dan juga bagaimana Malaysia akan bertindak dengan tidak bersikap dingin terhadap perkara ini bila ketahanan Malaysia telah diancam memandangkan krisis yang ada di sempadan Thailand dan Kampuchea.

**Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, semua saya sudah jawab tadi. Saya rasa tak perlu saya jawab lagi.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan tambahan Yang Berhormat umum sangat. Saya rasa elok Yang Berhormat tumpukan kepada soalan lain.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya ingin mengemukakan satu soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada katakan bahawa sama ada akan mengadakan satu international peace-keeping force terpulanglah kepada Setiausaha Agong Bangsa-bangsa Bersatu. Soalan saya oleh kerana masalah ini begitu mendesak, adakah Kerajaan Malaysia dengan lain-lain Kerajaan negara ASEAN bercadang untuk mengambil inisiatif mencadangkan bahawa masa sudah sampai di mana adakah satu pasukan antarabangsa untuk mengawal keamanan ditubuhkan bukan selepas perang tetapi sebelum itu untuk mencegah peristiwa yang akan mengancam kestabilan dan keselamatan di rantau ini.

**Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya menjawab di dalam perbincangan saya dengan Setiausaha Agong banyak perkara yang dibincangkan cara mana modality pattern itu termasuklah juga sebagai salah satu untuk menyelesaikan masalah ini. Adakah patut, baik atau tidak atau perlu atau tidak meng-

adakan peace-keeping force, itu terpulang kepada Mr Kurt Waldheim, sebagaimana yang saya katakan tadi ada dibincangkan.

## SETOK BARANG-BARANG BINAAN

**7. Dr Hee Tien Lai** minta Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah benar Kerajaan bercadang hendak mengumpul setok barang-barang binaan untuk kegunaan bagi projek-projeknya sendiri; jika ya, apakah langkah-langkah yang Kerajaan akan ambil bagi menentukan bahawa langkah ini tidak akan memberi kesan yang buruk ke atas pembinaan sektor swasta.

**Timbalan Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan bahawa tidak benar sangkaan bahawa Kerajaan bercadang hendak mengumpul setok barang-barang binaan untuk kegunaan bagi projek-projek Kerajaan sendiri. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk meninjau soal kekurangan bahan-bahan binaan dari segi kepentingan negara keseluruhannya dan mengadakan pendekatan yang pragmatik untuk mengatasi masalah ini. Kerajaan sedang menimbangkan beberapa langkah untuk mengatasi kekurangan bahan-bahan binaan, umpamanya, mengikut kajian yang dibuat oleh MIDA keperluan besi-besi keluli pada tahun 1979 bagi Semenanjung Malaysia ialah 260,000 tan. Keperluan ini termasuk bagi projek-projek Kerajaan dan juga projek-projek binaan swasta. Pengilang-pengilang besi keluli di negara ini seperti Malayawata Sdn. Bhd. dan pengilang-pengilang yang lain hanya boleh mengeluarkan sejumlah lebih kurang 200,000 tan sahaja. Untuk menampung kekurangan dan keperluan negara maka Kerajaan terpaksa mengimport sebanyak 60,000 tan dari luar negeri. Oleh yang demikian, Kerajaan telah mengambil langkah dan tindakan untuk mengimport besi keluli dari luar negeri sebanyak 60,000 tan bagi kegunaan pada tahun 1979. Menurut dasar yang dinyatakan di atas tadi Kerajaan telah juga menggalakkan pembesaran perindustrian yang terlibat dalam pengeluaran bahan-bahan binaan dan telah juga meluluskan beberapa banyak lagi usaha-usaha perindustrian yang lain.

Selain daripada itu sekatan import ke atas bahan-bahan binaan telahpun dibatalkan ataupun diringankan. Namun begitu, Kerajaan masih juga perlu mengadakan setok barang-barang binaan untuk keperluan projek-projek di tempat-tempat yang terpencil supaya membolehkan perlaksanaan projek-projek pembangunan berjalan dengan lancar, terutama sekali di kawasan-kawasan Pantai Timur dan juga di kawasan-kawasan luar bandar. Tindakan seperti ini adalah diambil untuk menentukan perlaksanaan projek-projek pembangunan untuk rakyat. Oleh yang demikian, tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kekurangan bahan-bahan binaan untuk menyelesaikan kesulitan itu pada keseluruhannya dan tidak akan memberi kesan yang buruk ke atas pemaaju binaan sektor swasta.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai.

*(Soalan No. 8 Y.B. Datuk Haji Sakaran bin Dandai tidak hadir).*

#### BEKALAN AIR DI SARIKEI

**9. Tuan Chieng Tiong Kai** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar tentang kekurangan bekalan air yang juga didapati masin di Sarikei dalam musim kemarau, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaiki bekalan air di kawasan tersebut.

**Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat dari Sarikei, dimaklumkan bahawa Kerajaan sedar tentang kekurangan bekalan air di Sarikei juga terdapat masin pada musim kemarau. Oleh itu, Kerajaan telah melantik sebuah firma perunding untuk mengkaji dan merangka satu cara baru bagi mengatasi kekurangan air dan masalah air masin itu.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Kerjaya Negeri Sarawak telah berusaha mendapatkan satu lembah untuk membina takungan air sebagai langkah jangka panjang dan sebagai langkah jangka pendek satu pam yang mempunyai kuasa yang tinggi telah dipasang bagi meringankan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di situ.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah pihak Kerajaan sedar bahawa air yang masin itu adalah satu sebab di mana dalam musim kekurangan air ramai penduduk-penduduk di Sarikei dapat berbagai-bagai penyakit. Adakah satu siasatan dibuat dan apa langkah telah diambil untuk mengatasi masalah itu?

**Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, kami tidak terima apa-apa laporan atas kesan ke atas pengguna-pengguna air masin ini tetapi tindakan yang diambil ialah untuk mencari bekalan yang lebih baik kepada penduduk di sana.

#### PILIHANRAYA UMUM DI SARAWAK—PERBELANJAAN MAKSIMA

**10. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar dalam pilihanraya umum Negeri Sarawak, undang-undang pilihanraya mengenai perbelanjaan maksima pilihanraya untuk setiap kawasan negeri telah dilanggar oleh calon-calon Barisan Nasional di mana ada di antara mereka yang telah membelanja sebanyak 10, 20 atau lebih kali ganda wang yang melebihi had perbelanjaan pilihanraya yang dibenarkan dan apakah langkah-langkah Kerajaan bercadang mengambil untuk menentukan bahawa pilihanraya tidak akan menjadi persaingan politik wang.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa calon-calon Barisan Nasional yang bertanding dalam pilihanraya umum Dewan Undangan Negeri Sarawak yang baru lalu telah membelanja lebih daripada had maksima yang dibenarkan oleh undang-undang.

Walau bagaimanapun sekiranya Ahli Yang Berhormat atau sesiapa saja mempunyai bukti-bukti yang nyata terhadap perkara yang dibangkitkan itu, Ahli Yang Berhormat atau mereka yang berkenaan bolehlah melaporkannya kepada polis atau Timbalan Pendakwa Raya supaya penyiasatan lanjut dapat diambil.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa Undang-undang yang menghadkan perbelanjaan dalam pilihanraya dilanggar dengan

begitu terbuka dan sewenang-wenangnya sehingga Undang-undang ini sudah jadi satu "mockery" dan jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat yang mengatakan beliau dan Kerajaan tidak sedar adalah menunjukkan bahawa Undang-undang ini dianggap oleh rakyat sebagai satu Undang-undang yang tidak dipatuhi dan bolehlah dikatakan satu contoh yang baik di mana "the law is an ass".

**Tuan Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kalau Yang Berhormat itu benar-benar mempercayai bahawa Undang-undang telah dilanggar adalah menjadi tanggungjawab dan tugasnya untuk melaporkan kepada pihak yang berkenaan daripada kita membuat tuduhan yang tidak berasas.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen oleh kerana DAP mengalami kekalahan teruk dalam pilihanraya di Sarawak baru-baru ini, mereka telah cuba menimbulkan dan mengalihkan isu-isunya ke arah yang lain pula. Jadi apakah benar kemenangan parti Barisan Nasional di Sarawak baru-baru ini disebabkan oleh kesedaran rakyat dan kepercayaan rakyat Sarawak terhadap Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah selama ini dan juga penolakan rakyat Sarawak terhadap isu perkauman yang dibawa oleh DAP dan bukan daripada isu yang dibawanya.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan ini tidak berkaitan dengan soalan asal (*Ketawa*).

## PERKARA IBADAT DALAM ISLAM

**11. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa ada segolongan manusia yang tidak bertanggungjawab telah melibatkan perkara ibadat di dalam Islam, bagi kepentingan parti politik mereka dan ini telah memecah-belahkan masyarakat Islam. Jika sedar perkara ini ada berlaku; apakah tindakan tegas Kerajaan bagi mengelakkan masyarakat Islam berpecah-belah dan dikelirukan oleh mereka.

**Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang hampir sama telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Hal

Ehwal Dalam Negeri semasa menjawab soalan yang juga dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh pada 12hb Oktober yang lalu. Dengan itu saya tidaklah bercadang untuk membuat apa-apa tambahan lagi.

## MENTERI—JAWATAN MEMANGKU

**12. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebabnya Timbalan-timbalan Menteri tidak dibenarkan memangku jawatan Menteri-menteri mereka di waktu ketiadaan Menteri-menteri sedangkan mereka lebih rapat dan mengetahui selok belok Kementerian mereka dari Menteri-menteri yang dilantik untuk memangku jawatan rakan sejawatnya.

**Perdana Menteri (Dato Hussein Onn):** Tuan Yang di-Pertua, jika seorang Menteri secara sementara tidak dapat menjalankan tanggungjawabnya di Kementerian oleh kerana ianya sakit, bercuti di luar negeri atau sebab-sebab yang lain, mengikut amalan yang berjalan sekarang ini hanya Menteri yang menjadi Ahli Jumaah Menteri dibenarkan menggantinya. Amalan ini adalah berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, seorang Menteri adalah juga Ahli Jumaah Menteri dan kuasa pemerintahan parti Persekutuan adalah dijalankan oleh Jumaah Menteri iaitu mengikut Fasal 39 Perlembagaan. Ini bermakna seorang Menteri itu bukan sahaja bertanggungjawab berkenaan dengan Menteriannya, bahkan juga bertanggungjawab berkenaan dengan pemerintahan bagi Persekutuan seluruhnya. Hanya Menteri yang boleh menjadi Ahli Jumaah Menteri mengikut Fasal 43 (2) (b). Ini bermakna seorang Timbalan Menteri tidak berhak hadir dalam mesyuarat Jumaah Menteri, mengambil bahagian dalam perbincangan dan membuat keputusan walaupun ia diberi tugas-tugas sebagai Menteri.

Satu lagi peruntukan dalam Perlembagaan yang ada kaitannya dengan perkara ini ialah mengenai sumpah jawatan dan taat setia dan sumpah menyimpan rahsia mengikut Fasal 43 (6) Perlembagaan. Seorang Menteri hendaklah mengangkat dan menandatangani sumpah-sumpah itu di hadapan Yang di-Pertuan Agong. Ini hendaklah diperbuat sebelum Menteri itu menjalankan tugas-tugas

jabatannya. Tugas-tugas jabatannya sebagaimana yang saya telah katakan tadi termasuk tugas-tugas sebagai Ahli Jumaah Menteri.

Dalam hubungan ini sungguhpun Timbalan Menteri telah mengangkat sumpah bila ia dilantik memegang jawatan Timbalan Menteri mengikut Fasal 43A (3) tetapi bila ia dilantik memegang jawatan Menteri, ia dikehendaki mengangkat sumpah baru bagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal 43 (6). Dan contoh yang terbaharu sekali ialah bila Dato' Samy Vellu dilantik memegang jawatan Menteri dari jawatan Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan apabila seorang Menteri . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Tolong naikkan suara sedikit!

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Apabila seorang Menteri tidak berada dalam negeri maka Menteri Kabinet yang lain memangku jabatannya. Ini adalah amalan yang telah dilakukan. Tetapi sejak tahun 1975 di waktu Allahyarham Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri dan apabila Allahyarham kembali Kerahmatullah. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang ini menjadi Perdana Menteri di waktu itu pernah Timbalan-timbalan Menteri memangku kerja Menteri kalau Menteri tidak ada dan juga menghadiri Kabinet di waktu itu. Apakah kehadiran Timbalan-timbalan Menteri di waktu itu dan pemangku kerja Menteri-menteri di waktu itu oleh Timbalan-timbalan Menteri itu dianggap tidak sah?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, contoh yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah berlaku sebelum saya menjadi Perdana Menteri dan dalam pandangan saya lepas membaca dengan teliti peruntukan Perlembagaan dan sebab-sebab yang saya terangkan tadi, maka tidaklah boleh seorang Timbalan Menteri itu duduk dalam Kabinet berdasarkan kepada penerangan-penerangan yang saya sebutkan tadi.

**Tuan Chan Teck Chan:** Adakah jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu bermakna bahawa perlantikan Timbalan-timbalan Menteri sebagai pemangku Menteri

dalam masa Allahyarham Tun Abdul Razak telah melanggar amalan dan juga telah melanggar Perlembagaan Malaysia?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Itu soalan lain daripada soalan asal. Saya baca-baca balik soalan asal:

"Minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebabnya Timbalan-timbalan Menteri tidak dibenarkan memangku jawatan-jawatan menteri mereka di waktu ketiadaan Menteri-menteri sedangkan mereka-mereka lebih rapat dan mengetahui selok belok Kementerian mereka dari Menteri-menteri yang dilantik untuk memangku jawatan rakan sejawatnya".

Tadi Yang Amat Berhormat telahpun menerangkan sebab-sebab dia memberi keputusan semacam itu.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak bertanya satu soalan tambahan atas jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana jawapan ini adalah menunjukkan bahawa ada satu kesilapan, kesalahan atau pelanggaran undang-undang telah berlaku pada masa Allahyarham bekas Perdana Menteri.

**Perdana Menteri:** Kalau kedapatan begitu maknanya ada kesilapan, tetapi ini tidak memansuhkan perbuatan. Ada perunukan dalam Perlembagaan, jikalau ada kesilapan semacam itu, ini tidak annul perbuatan-perbuatan, keputusan-keputusan Kabinet.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat sedar bahawa saya pernah menjadi Timbalan Menteri Kesihatan di waktu Yang Amat Berhormat menjadi Perdana Menteri dan pernah hadir di dalam Kabinet mewakili Menteri Kesihatan di waktu Menteri Kesihatan tidak berada dalam negeri, begitu juga saya dapat tahu dan saya dapat lihat banyak Timbalan-timbalan Menteri yang lain pernah hadir di waktu itu.

**Perdana Menteri:** Itu benar, tetapi pada waktu itu. Kalau waktu ini jika sekiranya Yang Berhormat itu di dalam Kerajaan dan memegang jawatan Timbalan Menteri dia tidak dibenarkan duduk dalam Kabinet. (Ketawa).

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8 dan No. 13 hingga 16 adalah diberi di bawah ini).*

### BEKALAN LETRIK DI SILAM

**8. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bekalan letrik dan air di Daerah Silam terutama sekali di Pekan Semporna selalunya terganggu yang mengakibatkan kesulitan-kesulitan serius kepada rakyat kerana motor-motor yang membekalkan kuasa ini selalu rosak. Jika ya, sama ada Kementerian bercadang untuk mengadakan peruntukan yang mencukupi kepada Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad):** Kerajaan memang sedar akan perkara tersebut dan telahpun mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk menyelesaikan masalah itu. Buat masa ini kerosakan-kerosakan tersebut telahpun diperbaiki.

Sebagai langkah persediaan untuk menyelesaikan masalah gangguan bekalan letrik, sebuah generator 300 kilowatt telahpun dipesan sebagai tambahan kepada generator 2,100 kilowatt yang sedia ada. Berhubung dengan gangguan kepada bekalan air yang berlaku disebabkan oleh kerja-kerja memperbaiki jalanraya, satu langkah baru untuk menyelesaikan masalah tersebut telahpun dijalankan. Rancangan-rancangan bekalan air daripada Sungai Sepa Gaya serta rancangan bekalan jangka panjang bekalan air ke Silam sedang dijalankan. Dengan siapnya rancangan tersebut segala masalah yang timbul berhubung dengan bekalan air akan dapat diselesaikan.

### BIJIH TIMAH ATAS DUTI EKSPOT

**13. Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa walaupun harga bijih timah dunia telah meningkat, pihak pengeluar bijih yang menggunakan cara pam kelikir atau gravel pump tiada mendapat apa-apa faedah daripada kenaikan harga oleh sebab cukai-cukai yang tinggi yang dikenakan oleh Kerajaan. Jika beliau sedar apakah tindakan-

tindakan beliau bercadang mengambil untuk menolong pengeluar-pengeluar bijih seperti disebutkan itu supaya dapat mereka menjalankan operasi lombong-lombong mereka dengan sedikit sebanyak keuntungan.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telahpun meminda kadar duti ekseptot atas timah seperti yang diumumkan di dalam Ucapan Belanjawan 1980 pada 18hb Oktober yang lalu. Di bawah struktur yang baru ini, yang didasarkan kepada kaedah cukai yang dikenakan selepas kos, duti ekseptot akan bermula hanya manakala paras harga melebihi \$1,200 satu pikul. Pindaan kadar cukai ini merupakan salah satu langkah untuk menolong pengeluar bijih cara pam kelikir untuk mendapat keuntungan yang berpatutan.

### BELIA PELADANG/BELIA NIAGA

**14. Tuan Umar bin Haji Ismail** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan berapakah jumlah wang bantuan yang telah disalurkan kepada Belia Ladang dan Belia Niaga sejak tahun 1978 yang lalu dan jumlah badan-badan belia yang telah mendapat bantuan tersebut.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Jumlah wang bantuan yang disalurkan kepada Projek Belia Peladang dan Rancangan Belia Berniaga sejak tahun 1978 dan jumlah peserta yang terlibat hingga 2-10-79 bagi Projek Belia Peladang dan 3-9-79 bagi Projek Belia Niaga adalah seperti berikut:

|                          | Tahun | Bantuan        | Peserta |
|--------------------------|-------|----------------|---------|
| A. Projek Belia Peladang | 1978  | \$2,767,708.00 | 1,563   |
|                          | 1979  | 1,677,524.00   | 1,232   |
| B. Rancangan Belia Niaga | 1978  | 417,193.90     | 99      |
|                          | 1979  | 1,602,479.13   | 200     |

Jumlah Badan-badan Belia yang telah mendapat bantuan tersebut ialah sebanyak 78 buah.

### BANK BUMIPUTRA— CAWANGAN DI GRIK

**15. Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau bercadang menasihatkan Bank Bumiputra (M) Berhad membuka Cawangannya di Grik.

**Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah:** Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penubuhan cawangan sesebuah bank adalah tanggungjawab Lembaga Pengarah bank tersebut dan bukannya urusan Menteri Kewangan untuk campurtangan di dalam perkara itu. Terpulanglah kepada kebijaksanaan Lembaga Pengarah Bank Bumiputra untuk memikirkan kesesuaian penubuhan cawangannya di Grik seperti yang diurakan oleh Ahli Yang Berhormat. Lembaga Pengarah Bank Bumiputra boleh memohon kepada Bank Negara Malaysia yang bertanggungjawab dalam perkara itu untuk kebenaran membuka cawangannya di Grik. Berkenaan dengan kemudahan bank di Grik, Ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa pada masa ini sudah ada satu cawangan bank tempatan yang besar di situ.

#### **HARGA MINYAK DAN KEKURANGAN BEKALAN**

**16. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapakah langkah-langkah tegas yang menyakinkan orang ramai tidak dapat diambil mengenai kenaikan harga minyak dan kekurangan bekalan bahan tersebut sehingga menimbulkan kecurigaan di kalangan orang ramai bahawa harga bahan tersebut akan dinaikkan lagi dan kekurangannya tidak dapat diatasi.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian telahpun menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Kluang pada 17hb Oktober, 1979 dan saya tidak ada apa-apa tambahan ke atas jawapan tersebut.

#### **RANG UNDANG-UNDANG**

##### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980**

**DAN**

**USUL**

##### **ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1980**

###### **Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas

Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 dan Anggaran Pembangunan, 1980 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (Hari Ketujuh).

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

*Maksud B. 25 (Jadual)—*

*Maksud P. 25 (Anggaran Pembangunan, 1980)*

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar untuk menyambung ucapannya.

*3.34 ptg.*

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, sebelum Dewan ditangguhkan pada hari Selasa yang lepas saya telah mengesyurkan bahawa pihak Kementerian yang berkenaan patutlah menubuhkan satu yunit khas untuk membantu perusahaan kecil di negara kita dan saya telah mencadangkan yunit itu patutlah mengandungi keahliannya daripada wakil-wakil yang berikut:

- (1) Wakil dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian;
- (2) Wakil dari Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah;
- (3) Wakil dari Kementerian Kewangan;
- (4) Wakil-wakil dari Perusahaan Kecil;
- (5) Wakil dari Kementerian Kerajaan Tempatan dan
- (6) Wakil-wakil dari agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan.

Fungsi yunit yang disyurkan oleh saya itu ialah untuk membincangkan segala masalah yang dialami oleh perusahaan kecil dan membuat cadangan-cadangan yang membina dan akhirnya untuk memperkenalkan satu pelan perancangan perkembangan perusahaan-perusahaan kecil ataupun dalam bahasa Inggeris (Blueprint) yang dapat digunakan sebagai panduan untuk pengusaha-pengusaha kecil. Ini bererti yunit ini akan bertindak secara langsung kepada mencapai satu pendekatan terhadap masalah-masalah dan penyelesaiannya.

Tuan Pengerusi, selain daripada masalah perusahaan-perusahaan yang kecil saya suka mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan satu perkara yang penting yang boleh mengakibatkan kegagalan kemajuan

perindustrian di negara kita dan ini ialah terdapatnya jurang perhubungan di antara bahagian perancangan dan bahagian pelaksanaan. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri juga ada menyentuh tentang masalah ini. Salah satu sebab mengapa kemajuan perindustrian di negara kita tidak dapat berjalan dengan lancar ialah selama ini kita tidak mengetahui timbulnya masalah kekurangan kordinasi atau penyelarasan dan perhubungan di antara bahagian perancangan dan bahagian pelaksanaan. Ini ialah satu perkara yang menimbulkan banyak kekeciwaan kepada pihak pelabur yang ingin melabur atau ingin memperbesarkan perusahaan mereka yang ada sekarang. Memandangkan kepada masalah ini saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan apakah tindakan-tindakan yang konkrit yang pihak Kementerian beliau hendak lakukan untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Pengerusi, bersabit dengan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (LKPM) yang mempunyai tujuan bagi menggalakkan pelaburan tempatan dan seberang laut saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan kepada usaha-usaha menggalakkan pelaburan serantau. Baru-baru ini ada dilaporkan di suratkhbar bahawa pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga Malaysia dan Singapura akan bersama-sama menubuhkan sebuah perbadanan pelaburan ASEAN untuk menggalakkan pelabur-pelaburan di negara-negara ASEAN. Pada pandangan saya ini adalah satu langkah yang bijaksana dan yang waras dan saya berharap bahawa Kerajaan Malaysia akan memberi segala sokongan dan bantuan kepada penubuhan perbadanan itu. Kerajaan patutlah memberi dorongan dan insentif-insentif yang sesuai untuk menentukan kejayaan penubuhan perbadanan pelaburan ASEAN itu.

Tuan Pengerusi, berbalik kepada Kepala B. 25 Aktiviti (6) atas perkara pelaburan, saya suka menyentuh tentang penubuhan Yunit Pusat (Central Unit) dalam Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia sebagai satu langkah untuk memajukan pelaburan di negara kita. Sungguhpun saya mengalu-alukan penubuhan yunit pusat ini sebagai satu langkah yang wajar diambil untuk membantu pelabur-pelabur akan tetapi saya berharap bahawa yunit itu bukan merupakan satu pusat penasihat dan yunit penerangan sahaja tetapi ia patut diperlengkapkan

dengan kuasa untuk membuat keputusan-keputusan mengenai satu-satu permintaan daripada pihak pelabur yang berkenaan dan mereka tidak perlu menghubungi Kementerian demi Kementerian ataupun Jabatan demi Jabatan untuk melaksanakan urusan-urusan mereka.

Saya faham bahawa unit pusat di MIDA telah dibuka pada 1hb Disember, 1978 yang mana fungsi utamanya ialah untuk mengelakkan para pelabur dari menghubungi beberapa buah Jabatan Kerajaan dalam usahanya untuk menubuhkan sesebuah projek perindustrian. Yunit itu dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Perbendaharaan, Kastam dan Eksais Di-Raja Jabatan Imigresyen, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat serta Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sendiri.

Tuan Pengerusi, sejak yunit pusat itu ditubuhkan sehingga sekarang ia hanya dapat memberi khidmat nasihat dan penerangan mengenai dasar Kerajaan tetapi tidak dapat membantu dalam membuat keputusan-keputusan atas permintaan para pelabur. Dalam sidang Belanjawan yang lepas, saya telah diberitahu dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan akan pengujudan yunit pusat atau central unit adalah satu langkah ke arah menjadikan MIDA sebagai "one-stop agency" demi untuk pembangunan perindustrian. Saya telah diberitahu juga bahawa langkah akan diambil untuk mengujudkan satu sistem "package deal" di mana kelulusan yang berkaitan dengan projek pengilangan akan diberi secara serentak. Beliau pernah menyatakan bahawa sistem itu akan dipertimbangkan oleh Kementerian beliau dan MIDA sendiri.

Tuan Pengerusi, setahu saya sistem "package deal" yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu masih belum dilaksanakan sepenuhnya. Dan saya suka mengambil kesempatan ini untuk bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah kemajuan yang telah dicapai setakat ini mengenai apa yang telah disifatkan sebagai sistem "package deal" itu.

Suka saya menyatakan di sini bahawa hanya dengan melaksanakan satu sistem di mana pelabur-pelabur akan memohon secara serentak dan boleh mendapat kesemua kelulusan yang berkaitan bagi penubuhan perindustrian dengan seberapa segera seperti lesen pengilang, pengecualian ke atas loi dan

jentera, bahan-bahan mentah, komponen, perlindungan tariff, jawatan-jawatan untuk pegawai dagang dan lain-lain perkara, maka para pelabur akan berpuas hati dan suka melaburkan di negara kita. Sekiranya ini tidak dapat dilaksanakan saya berpendapatan bahawa segala usaha yang dijalankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membuat lawatan keluar negeri untuk menarik pelabur-pelabur untuk melabur di negara kita adalah sia-sia sahaja.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan Kepala B. 25, Aktiviti (2), saya ingin menyentuh mengenai Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan. Semasa membentangkan Anggaran Belanja Mengurus dan Anggaran Belanja Pembangunan 1980 kepada Kementerian yang berkenaan, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan yang ditubuhkan pada tahun 1973 di bawah Akta Kawalan Harga 1946 sentiasa memberi nasihat-nasihat yang membina kepada pihak Kementerian dari segi aktiviti-aktiviti pelindung pengguna. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa Majlis itu boleh memainkan peranan yang penting dalam aktiviti-aktiviti melindungi pengguna. Akan tetapi orang ramai lagi tidak berpuas hati oleh kerana tarafnya hanya merupakan satu badan penasihat sahaja, ia tidak ada kuasa melaksanakan ataupun kuasa eksekutif. Saya berpendapat bahawa masanya telah tiba bagi badan ini dinaikkan tarafnya dan dijadikan sebagai satu badan yang benar-benar mempunyai kuasa eksekutif dan bukan sebagai badan penasihat sahaja. Saya memerhatikan bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ada menyatakan di dalam ucapannya bahawa Kementerian beliau juga sekarang sedang di dalam proses untuk mengkaji penyusunan semula Majlis itu untuk menjadikannya lebih berkesan lagi demi untuk melindungi kepentingan pengguna.

Tuan Pengerusi, kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu dengan jelasnya menunjukkan bahawa Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan masih lagi tidak berkesan dalam menjalankan tugasnya. Memandangkan kepada hal ini, saya suka mengulangi syor saya bahawa Majlis itu patutlah disusun semula dan dijadikan satu Jabatan Hal Ehwal Pengguna yang dapat

bergerak dengan lebih berkesan demi melindungi kepentingan pengguna-pengguna di negara kita.

Saya berpendapat bahawa dengan adanya satu Jabatan Hal Ehwal Pengguna yang disebutkan oleh saya tadi, saya yakin bahawa ianya bukan sahaja dapat mengurus perkara harga barang-barang yang tidak adil dan tidak berpatutan tetapi juga dapat mengendalikan ejensi-ejensi yang lain yang ada hubungan dengan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai seperti talipon, Lembaga Letrik Negara, pengangkutan dan kemudahan-kemudahan awam yang lain. Apa yang kita tidak boleh abaikan ialah masalah-masalah yang dialami oleh pengguna-pengguna tidak terhad kepada barang-barang keperluan sahaja tetapi juga meliputi jabatan-jabatan lain seperti yang saya telah katakan tadi misalnya Telekom, Lembaga Letrik Negara, Perumahan dan lain-lain.

Di atas perkara perlindungan pengguna, saya suka menarik perhatian Dewan ini kepada sikap sebilangan pengilang-pengilang yang menaikkan harga barang-barang mereka sesuka hati tanpa merujuk dan mendapat kelulusan daripada Kementerian yang berkenaan. Ini telah berlaku oleh kerana barang-barang tersebut bukan barang-barang terkawal yang mana mereka tidak perlu merujuk dan mendapat kelulusan daripada Kementerian yang berkenaan.

Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dalam masa soal jawab dalam Dewan ini ada menyatakan bahawa Jawatan-kuasa Ulangkaji Harga yang dipengerusikan oleh wakil Kementerian beliau dan dianggotai oleh wakil-wakil daripada Perbendaharaan, MIDA, Unit Perancang Ekonomi dan Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan hanya patut mengkaji harga-harga barang-barang dalam Akta kawalan sahaja.

Saya berpendapat, Tuan Pengerusi, bahawa ini adalah tidak mencukupi. Dan pihak Kementerian patutlah menimbang untuk mewajibkan semua pengilang-pengilang yang ingin menaikkan harga barang-barang mereka bukan jenis terkawal itu supaya mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Kementerian yang berkenaan.

Alasan-alasan bahawa pengilang-pengilang perindustrian yang tidak dapat perlindungan tarif dan perlindungan import atau manamana insentif yang lain tidak perlu diwajibkan untuk mendapat kelulusan daripada Kementerian tidaklah boleh dijadikan satu sebab yang sah.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang penting yang saya hendak bangkitkan ialah tentang apa yang dilaporkan dalam surat-khabar baru-baru ini bahawa terdapat kekurangan yang serius bahan-bahan besi keluli di negara kita yang telah menjejaskan industri pembinaan di negara kita. Masalah ini berpunca daripada tindakan pengilang-pengilang yang telah menurunkan kadar pengeluaran besi keluli mereka dengan tujuan untuk mendesak Kerajaan menyemak semula harga bahan itu.

Tuan Pengerusi, pengurangan kadar pengeluaran telah mengakibatkan kesusahan kepada pembina-pembina bangunan dan ini telah menjejaskan pelaksanaan banyak projek-projek baik pun projek Kerajaan ataupun projek swasta.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk menggesa Kementerian yang berkenaan supaya mengkaji masalah ini dan mencari satu cara untuk mengatasinya.

Memandangkan bahawa Kementerian ini bertanggungjawab untuk menjamin bekalan besi keluli yang mencukupi dan dengan harga yang berpatutan, maka Kerajaan adalah bertanggungjawab untuk mencari satu penyelesaian.

Tuan Pengerusi, yang akhirnya, saya suka menyentuh mengenai perkara Akta Penyelarasan Perindustrian atau ICA. Dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, beliau ada menyebut . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, itu perkara mana dan muka berapa?

**Tuan Lee Lam Thye:** Itu adalah di bawah Kemajuan Perindustrian; saya sentuh tentang ICA sebab ada berkaitan dengan Kemajuan Perindustrian.

Tuan Pengerusi, dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan Akta Penyelarasan Perindustrian, beliau ada menyentuh Akta itu dan beliau juga ada menyatakan bahawa sehingga 31hb Ogos, 1979

sebanyak 3,008 lesen pengilang telah dikeluarkan sama ada pengilang-pengilang yang sedia wujud mahu pun pengilang-pengilang baru. Jumlah lesen pengilang yang telah dikeluarkan sehingga 31hb Ogos, 1978 ialah 2,696, iaitu bertambah sebanyak 312 atau 11.6%. Menurut beliau, kebanyakan lesen-lesen itu dikeluarkan untuk projek-projek baru serta projek-projek yang mengeluarkan keluaran tambahan bagi kilang-kilang yang sedia ada lesen.

Sungguhpun saya sedar akan hal ini tetapi saya suka meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberitahu Dewan ini, berapakah jumlah sebenar permohonan untuk ICA yang telah diterima dan berapakah yang telah ditolak dan sebab-sebab penolakan dan berapakah lagi yang ada dalam pertimbangan.

Tuan Pengerusi, memang tidak dapat dinafikan bahawa Akta Penyelarasan Perindustrian itu telah menjadi satu isu yang kontroversel yang hebat dibincangkan oleh sektor-sektor swasta pada dua, tiga tahun yang lepas. Sungguhpun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah menyatakan dalam Dewan ini bahawa dengan pindaan-pindaan yang dibuat kepada Akta itu pada tahun 1977 dan 1979 maka Kerajaan berpuas hati terhadap kesan perjalanan Akta itu, akan tetapi, ini tidak bermakna bahawa pelabur-pelabur tempatan dan luar negeri telah memberi persetujuan dan keyakinan penuh kepada Akta itu.

Perangkaan-perangkaan berhubung dengan pelaburan-pelaburan dalam projek-projek perindustrian yang telah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tidak bermakna bahawa sektor swasta telah menerima sepenuhnya Akta ICA itu.

Masih terdapat kecurigaan para pelabur terhadap Akta ICA ini dan saya suka menggunakan kesempatan ini untuk menyeru Kerajaan supaya sentiasa mengawasi perjalanan ICA ini dan tidak pula ragu-ragu atau teragak-agak untuk mengusulkan pindaan-pindaan lanjut yang perlu untuk menyesuaikan keadaan-keadaan pelaburan di negara kita.

Pada anggapan saya, salah satu pindaan yang sangat diperlukan ialah pihak Kerajaan harus memperkenalkan satu Lembaga Rayuan Bebas di bawah Akta itu dan ini adalah satu gesaan saya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Batang Lupar.

3.58 ptg.

**Datuk Edwin Anak Tangkun (Batang Lupar):** Tuan Pengerusi, saya bangun bercakap atas Maksud Bekalan 25—Kementerian Perdagangan dan Perindustrian muka surat 187, wang peruntukan yang diminta oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ialah sebanyak \$71,857,898. Tujuan peruntukan ini untuk mengembangkan aktiviti-aktiviti seperti pemasaran pembangunan dan pengurusan projek-projek, penguatkuasa dan kemudahan dan perhubungan antara-bangsa serta penyelidikan dan latihan.

Tuan Pengerusi, untuk memperhebatkan lagi kegiatan pemasaran kita di luar negeri dan juga di dalam negeri saya fikir galakan untuk melatih kaum bumiputra khasnya kaum bumiputra di kawasan luar bandar perlu digalakkan. Kita tidak menyekat bukan bumiputra bahkan kita mempergiatkan untuk meninggikan perniagaan kaum bumiputra kerana saya berpendapat bahawa masih banyak lagi rakyat di luar bandar yang ingin berlatih, akan tetapi oleh sebab pemilih latihan yang diedarkan dengan tidak secara betul maka inilah menyebabkan rakyat di kampung-kampung atau rakyat yang tinggal di rumah panjang selalu ketinggalan di bidang latihan.

Yang kedua berkaitan dengan pinjaman wang dari bank-bank yang berkenaan, inipun selalu berlaku. Misalnya, bila seorang kaum bumiputra itu bercadang meminjam wang dari bank, mereka disoal oleh bank yang berkenaan kerana bank yang berkenaan perlukan land title supaya boleh menjadi security. Oleh sebab kebanyakan rakyat di kawasan luar bandar tidak ada land title maka saya fikir Kerajaan perlulah mengadakan satu Rang Undang-undang (Pindaan) untuk memberi peruntukan kuasa kepada Ketua Masyarakat supaya Ketua Masyarakat itu dapat menjadi guarantee seseorang yang ingin meminjam wang dari bank.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa di kawasan saya banyak perniagaan kecil gagal. Ini menyebabkan, yang pertama tidak dilatih di bidang perniagaan dan yang kedua oleh sebab kekurangan modal. Saya dapati masa dahulu bila seorang kaum bumiputra membuat perniagaan di kampung-kampung mereka, beliau dapat bantuan dari agensi-agensi, misalnya modal mereka \$5,000,

agensi-agensi dapat mengeluarkan barang-barang dengan sebanyak ongkos \$10,000 dan ini sudah menambahkan modal mereka sekali ganda. Akan tetapi sekarang pihak agensi-agensi di Sarawak sudah membuat sekatan untuk membantu kaum bumiputra di bidang perniagaan dan inilah satu sebab banyak kaum peniaga bumiputra gagal di bidang perniagaan. Oleh yang demikian saya berharap walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri ini bukan seperti kaum bumiputra akan tetapi saya percaya beliau akan dapat mengambil perhatian yang tegas supaya peniaga kaum bumiputra khasnya bumiputra di negeri Sarawak dapat digalakkan dengan lebih berkesan.

Selain dari itu, Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Butiran 2, muka surat 196, Perbadanan Kemajuan Pelancungan. Ingin saya di sini memberi pandangan sedikit supaya Kementerian ini dapat mengambil perhatian. Yang pertamanya saya mencadangkan supaya Kerajaan dapat menambahkan seksyen-seksyen dalam Rang Undang-undang Pelancungan supaya pelancung-pelancung yang melawat ke rumah panjang di Sarawak tidak boleh mengambil sebarang gambar melainkan mereka meminta izin dahulu dari tuan-punya rumah kerana saya difahamkan bahawa banyak pelancung dari luar negeri ataupun pelancung dari Semenanjung bila mereka melawat ke rumah panjang mereka tidak meminta izin dahulu memasuki ke bilik-bilik mereka dan juga ada separuh pelancung tidak minta izin bila mereka membuat gambar. Ini satu perkara yang amat penting. Saya banyak menerima syor-syor dari orang ramai. Oleh sebab perkara ini amat penting dan melanggar aturan asli di rumah panjang, maka saya fikir Kerajaan perlulah meminda satu Rang Undang-undang Pelancungan dengan menambahkan seksyen-seksyen yang perlu, iaitu menambahkan peruntukan penalti supaya pelancung tidak melanggar aturan asli di rumah panjang.

Tuan Pengerusi, saya sekali lagi memberitahu Dewan ini supaya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat kerjasama dengan Yang Berhormat Menteri Undang-undang supaya berunding dan dapat menambahkan seksyen-seksyen tersebut yang tertentu untuk menjaga keselamatan di rumah panjang bila ada berlaku.

Tuan Pengerusi, selain dari itu di negeri Sarawak ada banyak lagi kawasan-kawasan yang baik untuk menarik hati pelancung dari

luar negeri. Di sini ingin saya mencadangkan supaya Kementerian ini dapat menambahkan projek-projek di kawasan yang sesuai untuk menarik pelancung dari luar negeri.

Seterusnya saya juga ingin menyentuh bahawa kakitangan yang telah ditempatkan di pejabat penggalakan pelancung di luar negeri saya fikir perlulah ditambahkan untuk memperkenalkan lagi Malaysia di luar negeri dan kalau difikirkan perlu, Kementerian ini juga patutlah memberi pertimbangan untuk mengambil banyak lagi wakil dari negeri Sarawak termasuk juga kaum bangsa Iban kerana di negeri Sarawak kita semua sedia maklum kebanyakan penduduk-penduduk di negeri tersebut adalah bangsa Iban dan Kerajaan perlulah melantik bangsa Iban di pejabat pelancungan di luar negeri ataupun di dalam negeri untuk memastikan cerita-cerita lama keturunan bangsa Iban di luar negeri.

Itulah sahaja, saya sekali lagi menyokong Maksud B. 25 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.06 ptg.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh):** Tuan Pengerusi, saya akan bercakap di dalam P. 25, Aktiviti 10—Penyertaan Bumiputra dalam Perdagangan dan Perindustrian.

Dalam menyokong peruntukan yang diberi kepada Bahagian Penyertaan Bumiputra sebanyak \$682,700 semuanya itu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Kerajaan yang telah menyedari betapa perlunya penyertaan bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian yang didapati bilangan dan peratusnya sangat kecil tetapi sebaliknya lapangan perdagangan dan perindustrian ini merupakan lapangan yang membolot kekayaan ekonomi di dalam negara ini.

Tuan Pengerusi, objektif utama Kementerian ini ialah untuk memesatkan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru dalam bidang perdagangan dan perindustrian, oleh itu matlamat Dasar Ekonomi Baru tidak akan tercapai sekiranya penyertaan bumiputra dalam sektor tersebut tidak tercapai sekurang-kurangnya 30%, terutamanya dari segi ekuitinya. Sekurang-kurangnya 30% dalam penyertaan bumiputra itu adalah dari

segi keseluruhan pencapaian Dasar Ekonomi Baru dalam sektor ekonomi negara kita yang masih mengharapkan modal dan pelaburan asing untuk pertumbuhan ekonomi kita. Jadi untuk mencapai hasrat sekurang-kurangnya 30% penyertaan bumiputra dalam sektor perdagangan dan perindustrian maka tidak semestinya pembahagian 30% kepada bumiputra dan 70% kepada bukan bumiputra sekiranya penglibatan dalam usaha perdagangan dan perindustrian ini tidak memerlukan modal asing.

Misalnya dalam menentukan gunatenaga bumiputra dalam sektor perindustrian pengedaran barang-barang, pengurusan dan perkhidmatan serta sebagainya adalah tidak menggambarkan apa yang saya sebutkan kadar tadi. Oleh itu untuk mencapai hasrat penyertaan 30% bumiputra dalam sektor tersebut maka penyertaan bumiputra dalam gunatenaga, dalam pengedaran, dalam pengurusan, dalam perkhidmatan dan sebagainya hendaklah berasaskan sekurang-kurangnya 60% penyertaan bumiputra dalam tiap-tiap bidang yang tertentu itu barulah perimbangan kaum akan tercapai setelah penyertaan bumiputra dipenuhi dengan kadar yang lebih. Akibat daripada ketinggalan hasil daripada tindakan penjajah yang sekian lama membahagi-bahagikan sektor ekonomi kita mengikut kaum, akhirnya sektor yang kurang maju dan mundur itu telah diwarisi oleh golongan bumiputra. Berpunca dari inilah 75% golongan bumiputra di luar bandar hidup di dalam keadaan kesusahan dan kaya dengan kemiskinan.

Sekarang saya mahu dengar manakah suara-suara pemimpin daripada pihak Pembangkang yang mendakwakan partinya berbilang kaum dan tidak mengamalkan perkauman menyuarakan ketidaksamaan bumiputra dalam sektor perdagangan dan perindustrian ini atau apakah kedudukan parti Pembangkang terutama DAP dalam usaha mengimbangkan bumiputra dalam sektor ini. Keadaan dalam pengambilan pelajar ke pusat-pusat pengajian tinggi dan penyertaan bumiputra dalam rancangan FELDA yang imbalan kaum bukan bumiputra agak tertinggal sedikit dan ini berkali-kali dibangkitkan di dalam Dewan ini menuduh Kerajaan membuat cara yang tidak adil, diskriminasi dan sebagainya.

Sekarang saya mahu mencabar DAP ketidakseimbangan bumiputra dalam sektor perdagangan dan perindustrian diperjuangkan

dan disuarakan di dalam Dewan ini untuk membuktikan partinya berbilang kaum dan tidak perkauman yang didakwakan kepada kita selama ini dan juga cuba membuktikan kepada masyarakat bumiputra apakah yang diperjuangkan selama ini untuk kepentingan bumiputra yang merupakan masyarakat tertindas di dalam negara ini. Malangnya bukan sahaja tidak diperjuangkan dan dibelakan tetapi sebaliknya ini tidak habis-habis mempersoalkan soal keutamaan atau kelebihan . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Pasir Puteh!

**Tuan Chan Teck Chan:** Adakah perlu saya sekarang menjawab daripada kenyataan yang tidak bertanggungjawab itu menuduh DAP tidak menyuarakan . . . .

**Tuan Pengerusi:** Ini di bawah Peraturan mana Yang Berhormat?

**Tuan Chan Teck Chan:** 37 (b) untuk penjelasan. Saya hendak minta penjelasan. Bolehkah sekarang saya menjawab, atas . . .

**Tuan Pengerusi:** Kalau minta penjelasan, saya hendak bertanya beliau (*kepada Wan Mohd. Najib*) Yang Berhormat, mahu beri peluang?

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Saya tidak memberi jalan.

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak bagi jalan. Nanti Yang Berhormat boleh jawab.

**Tuan Chan Teck Chan:** Jangan hanya berani mencabar, tidak berani beri saya menjawab.

**Tuan Pengerusi:** Sudah!

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Malangnya bukan sahaja tidak diperjuangkan atau dibela tetapi sebaliknya tidak habis-habis mempersoalkan keutamaan atau kelebihan yang diagihkan kepada bumiputra dengan hasrat suci Kerajaan hanya untuk keseimbangan sahaja . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, soalnya sekarang ini kita dalam Jawatankuasa, tolong tumpukan kepada soal yang dikemukakan dalam B. 25 itu Pentadbiran Am, Urusetia bukanlah soal dasar. Tolong tumpukan kepada perkara yang bukan dasar.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Pengerusi, kerana kita sedia maklum keutamaan seperti ini telahpun dinikmati oleh mereka berkurun-kurun lamanya tetapi malangnya golongan ini telah cuba memekakkan telinga, membutakan matanya supaya tidak dapat mengetahui kenyataan yang wujud di dalam negara ini.

Tuan Pengerusi, berbalik kepada penyertaan bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian bahawa keseimbangan dan matlamat Kerajaan tidak akan tercapai tanpa tindakan tegas dari pihak Kerajaan. Oleh itu saya berharap Kerajaan tidak perlu menunggu dan mesti bertindak tegas dari sekarang untuk melaksanakan penyertaan bumiputra dalam perniagaan dan perindustrian.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, dalam perkara penyertaan bumiputra ini Yang Berhormat tumpukan kepada butiran mana sebab dalam Maksud B. 25 di bawah Penyeritaan Bumiputra ada hal emolumen, ada di dalam soal Penyertaan Bumiputra dalam soal Tambahan Kos Kakitangan, ada dalam soal bahagian Penyertaan Bumiputra 1100, ada soal berkenaan dengan Penyertaan Bumiputra dalam soal Pengangkutan Barang-barang dan ada soal Penyertaan Bumiputra dalam soal Perhubungan dan seterusnya. Eloklah Yang Berhormat tumpukan kepada butiran mana supaya khusus bercakap di atas perbelanjaan dan bekalan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Pengerusi, saya bercakap di dalam Aktiviti (10)—Penyeritaan Bumiputra. Jadi saya akan bercakap dari segi dasar Penyeritaan Bumiputra ini iaitu merupai satu daripada dasar di dalam . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, dalam peringkat Jawatankuasa kita tidak membahaskan lagi soal dasar. Kita cuma membahaskan bekalan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Pengerusi, dalam Aktiviti (10) ini ialah dasar di dalam Kementerian ini sebagai satu daripada dasar Penyeritaan Bumiputra itu sendiri. Jadi saya rasa tidak bersalah . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Aktiviti (10) Penyeritaan Bumiputra (Bumiputra Participation) ada berkaitan dengan perangkaan \$460,000 untuk tahun 1979 dan \$511,000

untuk tahun 1980. Jadi kalau misal kata hendak sebut dasar tentulah berkaitan dengan perlaksanaan dan kewangannya sebab itu soal bekalan. Jadi saya minta Yang Berhormat tumpukan kepada soal bekalan dan pembangunan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Pengerusi, di dalam Aktiviti (10)—Penyertaan Bumiputra. Jadi tugas melaksanakan penyertaan bumiputra dalam perniagaan dan perindustrian ini demi untuk mencapai keseimbangan yang sewajarnya, kuasa-kuasa yang lebih hendaklah diberi kepada Bahagian Penyertaan Bumiputra untuk melaksanakan hasrat Kerajaan ini dan yang paling menyedihkan saya ialah pengedaran bumiputra dilantik di tempat-tempat yang baru di bandar-bandar kecil yang pemasarannya tidak begitu menggalakkan, tetapi sebaliknya pengedar-pengedar bukan bumiputra itu dilantik di pusat-pusat bandar seperti di Bandar Kota Bharu, Kuala Trengganu, Kuantan dan di mana-mana sahaja terdapat di tempat-tempat tersebut yang lebih maju, lebih banyak pemasaran dan lebih menguntungkan. Oleh itu saya mencadangkan mana-mana syarikat baru atau pelabur-pelabur yang cuba menjalankan perusahaan hendaklah disyaratkan sekurang-kurangnya 60% perlantikan pengedaranya terdiri daripada bumiputra bagi membolehkan kebenaran pelesenan diberi. Kita tidak mahu pelabur-pelabur baru yang datang itu tidak memberi faedah dan keuntungan kepada golongan yang sepatutnya menerima faedah kerana dalam lapangan pengedaran ini merupakan satu perniagaan yang bumiputra boleh dan berkemampuan melakukannya, sekiranya tidak dilakukan diskriminasi atau tektik kotor yang halus yang boleh melemahkan bumiputra.

Begitu juga perlantikan pengedar baru hendaklah diawasi oleh pihak Kementerian supaya bumiputra mendapat haknya yang tertinggal selama ini. Kuasa-kuasa perlantikan pengedar ini biarlah berada di pihak Kementerian dan pihak pelabur atau pengusaha hanya berhak memberi pandangan atau pengesyoran-pengesyoran sahaja dalam perlantikan pengedar ini. Contoh yang saya beri ini dalam lapangan perniagaan pengedaran sahaja tetapi dalam lapangan lain yang perlaksanaannya adalah amat tidak berkesan dari segi penyertaan bumiputra.

Memang benar ekuiti pelaburan bumiputra telah bertambah, bakal pelabur-pelabur bumiputra telah bertambah. Begitu juga dengan kewangan bumiputra ini bertambah tetapi yang pentingnya Bahagian Penyertaan Bumiputra dapat mengesahkan dan memastikan apakah pertambahan akuiti atau pelabur-pelabur bumiputra itu benar-benar wujud kerana kita tidak mahu wujudnya penyertaan bumiputra itu sebagai Ali Baba sahaja yang diadakan untuk memenuhi syarat pelesenan sahaja dan syarat-syarat lain yang dikenakan oleh pihak Kerajaan. Sekiranya ini berlaku, penyertaan bumiputra hanya akan dapat dirasai oleh bumiputra hanya kuahnya sahaja, isi dan keuntungan yang besar akan dibolot oleh orang lain. Oleh itu untuk mengelakkan perkara ini berlaku saya memohon kuasa-kuasa diberi kepada Bahagian Penyertaan Bumiputra untuk menubuhkan satu jawatankuasa bagi mengkaji sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai oleh bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian selama ini yang benar-benar berjalan sekarang ini kerana laporan dan kenyataan tanpa pengkajian yang rapi hanya akan mengaburi mata orang ramai sahaja. Jawatankuasa ini akan mempunyai kuasa penuh untuk melapor ke pihak Yang Berhormat Menteri dan berkuasa mengambil tindakan sewajarnya bagi memenuhi hasrat dan matlamat Kerajaan agar tidak mengecewakan harapan golongan bumiputra yang selama ini tertindas dan hidup di dalam keadaan kemiskinan.

Dengan ini saya menyokong peruntukan penyertaan bumiputra dan berharap kuasa-kuasa kepada Bahagian Penyertaan Bumiputra ini dapat dipenuhi dan dilaksanakan dengan segera.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson.

4.20 ptg.

**Tuan Au How Cheong (Telok Anson):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh pada mulanya B. 25 (Kod) 1100 Aktiviti (2)—Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan. Saya ingin bercakap mengenai pergerakan pengguna juga, Tuan Pengerusi. Di negara-negara lain pergerakan pengguna adalah satu kuasa ataupun force yang kuat dan berkesan untuk menentukan barang-barang berkualiti dijual menurunkan harga barang-barang tertentu, mendedahkan

kecacatan barang-barang tertentu dan memaksa barang-barang itu ditarik balik dari pasaran, malah juga memerangi inflasi. Tetapi di Malaysia pergerakan pengguna ini boleh dikatakan satu kegiatan yang baru dan muda lagi walaupun terdapat FOMCA, pergerakan ini belum benar-benar menjadi satu pergerakan kebangsaan. Ia masih bertindak mengikut wilayah sahaja. Memandangkan harga-harga barang yang selalu meningkat adalah wajar bagi Kerajaan kita memberi segala galakan untuk memajukan dan menjayakan pergerakan pengguna ini dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, adalah tidak mencukupi bagi Majlis Penasihat Pelindung Pengguna ini menerbitkan risalah-risalah, mengadakan dailog, menjalankan seminar-seminar dan mesyuarat-mesyuarat sahaja. Apa yang lebih penting ialah bagi Majlis Penasihat ini mengambil perhatian berat dan menyiasat cadangan-cadangan dan aduan-aduan yang dikedudukan oleh pergerakan ini mahupun orang ramai dan juga bertindak dengan segera untuk membetulkan aduan-aduan itu, jika benar, dan melaksanakan cadangan-cadangan itu dengan secepat mungkin jika cadangan-cadangan itu adalah menasabah dan sesuai. Tindakan atas aduan-aduan dan pelaksanaan cadangan-cadangan dengan secepat mungkin adalah cara yang amat berkesan untuk memajukan pergerakan pengguna. Jika aduan dapat diselesaikan atau cadangan-cadangan dapat dilaksanakan publisiti yang seluas-seluasnya patut diberi atas kejayaan itu, buat sementara ini terdapat satu suratkhbar pengguna atau mingguan atau bulanan yang dikeluarkan oleh Persatuan Pengguna di Pulau Pinang dan tiap-tiap issue suratkhbar itu hanya menyuarakan aduan-aduan tertentu tetapi sama ada tindakan diambil atau tidak diambil tidaklah dapat diketahui.

Kerajaan harus menunjukkan minatnya terhadap pergerakan pengguna ini untuk memajukan kegiatan mereka itu. Dalam hal ini pergerakan pengguna telah bercadang bahawa pelajaran pengguna dijadikan sebagai sebahagian dari kurikulum di sekolah kita. Ini adalah satu cadangan yang baik dan saya berharap cadangan ini dapat dipertimbangkan dengan seriusnya. Seperti saya katakan tadi pergerakan ini hanya bertindak di beberapa bandar besar sahaja. Majlis Penasihat patut memperluaskan kegiatannya dengan menyediakan perkhidmatan nasihat dan pendidikan hal pengguna di tiap-tiap daerah baik di

bandar-bandar ataupun di kampung-kampung. Ini akan melibatkan lebih ramai orang dalam kegiatan ini dan akan membolehkan pergerakan ini bertindak dengan lebih berkesan dan dengan penglibatan orang ramai di tiap-tiap kawasan, barulah pergerakan pengguna ini boleh dianggap sebagai pergerakan kebangsaan.

Tuan Pengerusi, saya ingin hendak bercakap juga tentang Aktiviti (3) Bahagian Penguatkuasa. Saya perhatikan Kerajaan adalah cepat dan tegas dalam sambutannya untuk mengkaji kenaikan harga barang-barang tetapi ianya tidak berkesan dalam ulangkaji menurunkan harga-harga barang apabila terdapat sebab-sebab yang baik untuk berbuat demikian. Sebagai contohnya ialah harga-harga kereta. Dalam masa dua-tiga tahun yang lepas harga kereta buatan Jepun telah melambung naik berikutan dengan kenaikan matawang Yen berbanding dengan matawang kita iaitu ringgit. Bagaimanapun lebih kurang 6 bulan yang lalu matawang Yen telah turun dengan kadar lebih daripada 10% berbanding dengan ringgit kita. Oleh kerana pembuat kereta Jepun menaikkan harga kereta buatan Jepun manakala matawang Yen naik, dengan alasan yang sama juga mereka patut menjual kereta mereka dengan lebih murah sekarang kerana matawang Yen telah turun sebanyak 10% tetapi nampaknya tidak begitu. Begitu juga dengan matawang pound sterling British yang telah menjadi lemah beberapa tahun yang lalu tetapi harga kereta buatan Britain pun tidak diturunkan dengan sepatutnya. Oleh itu, saya merayu kepada Kerajaan, khususnya Bahagian Penguatkuasa atau jenteranya supaya menentukan apabila keadaan membenarkan, kita hendaklah mengkaji penurunan harga barang-barang itu juga.

Akhirnya, saya ingin menyentuh tentang Aktiviti (11) iaitu Bahagian Metrik. Seperti Dewan ini maklum dalam tiga empat tahun lagi Kerajaan akan menggunakan atau melaksanakan sistem metrik dengan rasminya. Adalah wajar bagi Kerajaan memperkenalkan sistem metrik ini mulai daripada sekarang juga kerana kelaziman atau habit manusia adalah susah diubah atau akan mengambil masa yang panjang untuk mengubahnya.

Tuan Pengerusi, buat masa ini Pejabat Pos misalnya masih menggunakan ounce atau pound untuk menimbang barang-barang atau parcels. Baru-baru ini Jabatan Pengangkutan Jalan telahpun mengeluarkan arahan kepada

tuan punya lori untuk mempamirkan muatan lori mereka dan mereka dikehendaki untuk menggunakan cwt. atau ton dan belum menggunakan metric system lagi. Seperti saya katakan tadi oleh kerana habit manusia ini susah diubah, saya ingin mencadangkan bahawa mulai daripada sekarang kita harus memperkenalkan kedua-dua sistem itu di pejabat-pejabat Kerajaan supaya apabila masanya sampai, rakyat kita tidak akan menghadapi kesulitan untuk menerima satu sistem yang baru itu.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.30 ptg.

**Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 2100, Aktiviti (4)—Kemajuan dan Penggalakan Perniagaan, Pecahan (i) dan (ii).

Tuan Pengerusi, memang satu peruntukan yang besar telah diperuntukkan di bawah Butiran ini untuk tahun hadapan. Tetapi satu perkara yang mustahak dan perlu saya mengambil perhatian Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ialah mengenai perdagangan antarabangsa.

Satu perkara yang amat menyedihkan telah berlaku di kalangan perdagangan antarabangsa iaitu di Canton Trade Fair yang biasanya diadakan dua kali setahun di negeri China. Sungguhpun satu perhubungan diplomatik rasmi telah diadakan di antara Malaysia dengan Republik Rakyat China pada tahun 1974, tetapi mengenai bidang perdagangan ini apa yang sangat menyedihkan dan sangat memeranjatkan ialah apakah sebabnya banyak sekatan telah dikenakan oleh Kerajaan untuk mengadakan perdagangan dengan negeri China.

Umpamanya, tiap-tiap tahun bila Canton Trade Fair ini diadakan bukan sahaja rakyat Malaysia, pedagang Malaysia mengalami banyak masalah. Apakah sebabnya mereka hanya diizinkan untuk mengadakan perdagangan atau mengadakan lawatan ke negeri China hanya sekali setahun sahaja. Menurut aduan-aduan yang saya terima ialah oleh kerana masa yang sangat singkat mereka tidak mempunyai masa yang cukup untuk berunding dengan pihak-pihak yang berkenaan untuk memberi atau menempah sesuatu perkara. Bila sampai tempohnya mereka terpaksa balik dengan wakil-wakil di

bawah pimpinan PERNAS. Mereka terpaksa menunggu tahun hadapan tidak pada tahun itu—spring atau summer. Kalau pergi pada musim spring, apabila tiba summer tidak dapat pergi.

Ini akan membawa satu kerugian yang besar kepada pedagang Malaysia khususnya peniaga-peniaga rakyat Malaysia sendiri. Umpamanya, bila sesuatu perkara dibincangkan boleh membawa satu keuntungan bukan sahaja kepada peniaga-peniaga sendiri juga kepada negara kita, tetapi bila perundingan sampai setengah jalan sahaja mereka tidak dapat meneruskan kerana masa yang dihadkan terpaksa mereka balik. Bila mereka balik sudah tentu pada tahun hadapan barang sudah habis dan juga barang ini tidak laku bukan sahaja di pasaran Malaysia juga di pasaran dunia.

Maka di sini saya merayu kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bahawa sekatan yang tidak sihat dan adil ini perlu dibatalkan supaya peniaga-peniaga Malaysia yang ada mempunyai urusan perniagaan dengan Republik Rakyat China bolehlah diizinkan bukan sahaja sekali bahkan dua kali setahun supaya mereka boleh melicinkan segala perundingan atau perniagaan mereka. Ini adalah satu perkara yang sangat mustahak yang perlu diambil perhatian oleh Kementerian yang berkenaan dan juga masa yang diberi untuk berada di Canton Trade Fair juga sangat singkat, tidak mencukupi. Kerana di dalam trade fair ini beribu-ribu jenis barang boleh dibincang dan dirundingkan, mahu atau tidak mahu mengkaji kualiti atau kuantitinya tetapi masa yang sangat singkat mungkin dari segi keselamatan negara atau apa-apa alasan saya tidak tahu. Tetapi ini adalah di bawah pengawalan, pengurusan dan pimpinan PERNAS. Apakah sebabnya masa yang lebih panjang tidak boleh diizinkan untuk mereka mengadakan perniagaan dan perdagangan dengan Republik Rakyat China.

Tuan Pengerusi, di sini saya harap sekatan ini boleh dibatalkan dan juga satu sekatan yang tidak sihat dikenakan kepada peniaga-peniaga dan rakyat Malaysia sendiri iaitu sebelum mereka hendak mengadakan lawatan atau perniagaan di Canton Trade Fair mereka terpaksa disemak dan latarbelakangnya diproses oleh CID iaitu oleh pihak Polis. Ini biasanya memakan masa, kadang-kadang pada saat yang terakhir mereka akan diberitahu bahawa mereka adalah diberi izin melawat

Republik Rakyat China. Apakah sebabnya amalan dan sekatan ini dikenakan kepada peniaga-peniaga dan rakyat Malaysia sendiri. Kalaupun sekatan ini adalah sebagai amalan dan kebiasaan perdagangan antarabangsa Malaysia, maka di sini saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah sekatan atau amalan ini atau peraturan ini telah diadakan atau dikenakan kepada peniaga-peniaga rakyat Malaysia supaya tidak mengadakan perniagaan dengan lain-lain negara asing. Ini perlu dijawab dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu Dewan yang mulia ini apakah sebabnya berlaku satu diskriminasi terhadap peniaga-peniaga Malaysia yang sentiasa cuba mengadakan perniagaan di bidang antarabangsa, di negeri Tiongkok selalu menghadapi banyak halangan.

Satu perkara yang perlu diperhatikan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ialah bila peniaga-peniaga yang mengadakan perniagaan di Canton Trade Fair ini balik ke Malaysia kadang-kadang mereka diberhentikan di Subang Airport dan dipersoalkan sampai dua atau tiga jam oleh pihak polis (Special Branch) mengenai apa barang dibeli, siapa "you" jumpa dan lain-lain lagi. Sebenarnya mereka di bawah kawalan dan pimpinan PERNAS. Apa sebab tak mahu bertanya kepada PERNAS dan bertanya kepada peniaga-peniaga kita. Kadang-kadang peniaga merasa risau atas perkara ini seolah-olah satu penghinaan terhadap mereka. Bila mereka balik ke negeri atau rumah masing-masing, mereka akan dijemput dan diberikan satu layanan khas oleh Special Branch, berjam-jam ditanya, dipersoalkan. Tuan Pengerusi, ini adalah merupakan satu perdagangan antarabangsa yang diizinkan, diwakili dan dipimpin oleh PERNAS—oleh agensi Kerajaan, tetapi mereka nampaknya sudah dipersoalkan sebagai seorang yang ada apa-apa perhubungan yang tidak sihat atau taat setia mereka perlu dipersoal-soalkan.

Di sini saya perlu menarik perhatian Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bahawa ini adalah satu perniagaan yang biasa (normal) di peringkat antarabangsa, bukan satu perdagangan politik. Maka apa sebab perkara ini dilayan dan diurus dari segi politik, dari segi yang sangat-sangat menyedih dan merisaukan peniaga-peniaga Malaysia. Saya harap perkara ini boleh diselesaikan di antara Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan Kementerian Hal Ehwal

Dalam Negeri supaya perdagangan dan perniagaan di antara Malaysia dan Republik Rakyat China boleh ditambah melalui satu persefahaman dan juga rakyat Malaysia perlu digalakkan, bukan sahaja dari kaum Cina, kaum Melayu dan kaum India juga boleh digalakkan untuk mengadakan lawatan dan berniaga di Canton Trade Fair. Tetapi nampaknya perkara ini sudah dijadikan seolah-olah satu perkara politik atau satu perkara yang sangat sensitif. Sebelum pergi ditanya, bila balik disoal. Berbagai-bagai masalah dihadapi, masa pun disekat, bilangan untuk melawat perniagaan pun disekat. Nampaknya perkara ini perlu diperhatikan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Pengerusi, saya akan sentuh mengenai Kemajuan Perindustrian. Memang saya tidak boleh menafikan Malaysia adalah sebuah negara yang kecil yang sedang membangun, Malaysia memang sangat-sangat memerlukan pelaburan asing baik dari segi modalnya atau teknologinya (technical know-how). Tetapi satu perkara yang perlu diambil perhatian berat oleh Kerajaan ialah dengan kemasukan multi-national, satu perkara yang perlu diperhatikan oleh Kerajaan ialah bolehkah Kerajaan mempunyai satu kebolehan untuk mengawasi kenyataan ekonomi multi national yang sedang ada di Malaysia hari ini.

Kita tidak mahu melihat peristiwa-peristiwa, pengalaman-pengalaman yang berlaku di kebanyakan negara-negara yang membangun akan mengalami sama nasibnya di Malaysia. Umpamanya satu amaran yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa satu "Banana State" tidak akan berlaku di Malaysia. Ini adalah merupakan satu amaran yang tepat, tetapi saya tidak tahu bagaimana Kerajaan Malaysia sudah bersiap sedia untuk mengawasi kenyataan mereka. Kenyataan ekonomi kadang-kadang membawa satu kenyataan politik di belakangnya. Inilah yang perlu diawasi oleh Kerajaan Malaysia hari ini, bukan sampai masanya bila bukan sahaja kepentingan ekonomi terancam, barulah kita bertindak. Ini akan terlambat, kerana kadang-kadang ancaman politik ini adalah bersangkut paut dengan kepentingan politik dengan multi-national itu.

Tuan Pengerusi, di sini saya perlu bertanya Kementerian Perdagangan, apakah sebabnya dalam masa 3 tahun baru-baru ini Kerajaan banyak memberi keutamaan dan

usaha dalam menarik pelabur-pelabur asing ke Malaysia sehingga capital pelabur-pelabur tempatan yang ada di Malaysia ini tidak digunakan dengan sepenuhnya. Dari kajian DAP kita dapati bahawa Malaysia sebenarnya mempunyai capital untuk membangunkan segala projek pembangunan sosio-ekonomi Malaysia. Memang kita sangat kekurangan kemahiran dan teknologi, ini memang satu kenyataan yang perlu diakui tetapi apakah sebabnya pelabur-pelabur asing, rakyat Malaysia sendiri tidak digalakkan berlipatganda atau diberikan berbagai-bagai insentif supaya mereka boleh menanam modal mereka di Malaysia untuk bersama-sama menyertai usaha pembangunan negara kita.

Di sini saya merasa kesal bahawa Kerajaan bukan sahaja tidak memberi keutamaan kalau dibandingkan dengan keutamaan yang diberi kepada pelabur asing tetapi Kerajaan sebaliknya bertindak untuk menyekat pembangunan pelaburan tempatan. Umpamanya, dari berbagai-bagai peraturan diadakan, dikenakan di bidang perindustrian khususnya dalam konteks Akta Penyelarasan Perusahaan. Memang Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Kerajaan selalu menafikan segala tuduhan bahawa ICA ini adalah merupakan satu penghalang yang terbesar untuk membangunkan negara kita, umpamanya saya berikan satu contoh dalam satu Seminar Ekonomi yang diadakan oleh persatuan-persatuan yang berkenaan telah mengesyorkan supaya Kerajaan membatalkan ICA ini tetapi Kerajaan selalu menunjukkan angka-angka, umpamanya beberapa kilang telah menanam modal di Malaysia. Ini menunjukkan mereka adalah berkeyakinan dan berkepercayaan terhadap iklim pelaburan Malaysia. Tetapi satu kenyataan yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapa pun ialah ada didapati ketidakpuasan dan kebimbangan di kalangan pelabur-pelabur asing atau tempatan. Sungguhpun saya ada dinasihatkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam masa soal-jawab, katanya kalaulah kacamata orang itu ada persoalan, bolehlah kacamata orang itu ditukar. Tetapi, Tuan Pengerusi, yang lebih mustahak kalau Kerajaan mahu menggunakan capital dari rakyat Malaysia sendiri untuk membangunkan negara kita, itu merupakan satu jalan yang paling selamat daripada hanya kita bergantung kepada pelaburan asing atau multinational capital mereka. Ini sangat bahaya.

Kalau kita menggunakan capital tempatan atau rakyat sendiri, umpamanya melalui satu skim insentif, bukanlah melalui satu cara paksaan untuk memaksa rakyat Malaysia harus mahu mematuhi peraturan ini peraturan itu. Kalau digantikan dengan cara paksaan ini dan digantikan dengan cara skim insentif galakan, tentu rakyat akan berinisiatif, bersukarela menanam modal mereka bersama-sama menolong Kerajaan menjalankan usaha pembangunan negara ini. Ini cara yang lebih realistik dan praktikal.

Tuan Pengerusi, di sini saya akan mengesyorkan bahawa sekarang sudah sampai masanya bagi Kementerian Perdagangan dan Kerajaan memikirkan sama ada ICA ini akan dipinda supaya diganti dengan satu skim galakan. Kalau galakan lebih banyak diberikan, tentu orang yang berniaga hanya mahu mencari keuntungan, tentu ia akan tertarik hati atas galakan itu. Maka ini nampaknya adalah lebih berkesan daripada cara-cara umpamanya diadakan peraturan-peraturan paksaan seperti yang terkandung dalam ICA. Inilah satu cadangan dan seruan dari DAP, haraplah boleh dipertimbangkan oleh Kementerian Perdagangan.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya akan mengambil peluang ini untuk menjawab satu tuduhan yang dilemparkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh di bawah Aktiviti (10) mengenai Penyertaan Bumiputra.

Tuan Pengerusi, saya yakin Dewan ini masih ingat bahawa DAP telah menyatakan dengan secara rasminya di dalam Dewan ini pada bulan yang lepas, kalau saya tidak silap, bahawa DAP adalah menyokong matlamat Dasar Ekonomi Baru, ertinya DAP menyokong matlamat 30% penyertaan bumiputra baik di lapangan perdagangan atau perindustrian. Ini satu kenyataan yang rasmi yang sudah dilafazkan di Dewan yang mulia ini. Saya merasa kesal, apa sebab pendirian dan kejujuran DAP masih dipersoalkan. Kalau hendak mempersoalkan atas perkara ini, apakah sebab DAP selalu menyentuh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ialah kerana DAP merasa khuatir matlamat penyertaan bumiputra 30% ini mungkin tidak dapat dicapai kalau Kerajaan cuai atau lalai untuk melihat bahawa cara mentafsirkan penyertaan bumiputra adalah tidak mengikut kehendak-kehendak keadaan yang sebenarnya. Kalau kita hanya menggalakkan cara perniagaan Ali-Baba umpamanya, akhirnya sampai tahun

1990, 90% atau 95% Ali-Baba yang menjadi kaya sedangkan majoriti rakyat bumiputra masih miskin dan kebelakangan di lapangan perdagangan dan perindustrian. Adakah ini merupakan satu matlamat Dasar Ekonomi Baru? Kalau 5% Ali-Baba mengontrol, mengawal ekonomi negara Malaysia 30% tetapi 95% Mohd. Ali yang miskin yang tidak dapat menikmati hasil Dasar Ekonomi Baru itu. Ini nampaknya juga adalah satu pelanggaran dan pengkhianatan terhadap Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Pengerusi, saya tidak mahu melihat segala kenyataan yang tidak bertanggungjawab ini dilemparkan di Dewan yang mulia ini. Kalau ini mahu dijadikan satu isu politik untuk perbincangan di Dewan ini, saya fikir ini bukanlah tempatnya.

Saya tidak mahu melihat Dewan yang mulia ini dijadikan satu forum politik. Kalau hendak berbahas—boleh di luar, di mana-mana tempat pun kita boleh berbahas bagaimana cara untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru. Kita boleh menunjukkan cara-cara DAP untuk menolong Kerajaan menjayakan Dasar Ekonomi Baru ini. Sekarang kita sudah sampai masanya sepuluh tahun Dasar Ekonomi Baru dijalankan. Bolehkah Kerajaan memberikan satu angka satu kenyataan yang rasmi katanya ada berapa peratus rakyat bumiputra yang miskin ini yang menyertai perdagangan dan perniagaan, sudah menduduki umpamanya 80%. Bolehlah angka-angka diberikan?

Saya yakin kalaulah lesenkah atau apa-apa saham (share) hanya ditumpukan dipusatkan kepada beberapa orang sahaja sebagai Ali-Baba. Ini bukan tujuan Kerajaan. Tujuan Kerajaan mahu memberi peluang memberi lesen, memberi bantuan, memberi kredit, memberi pinjaman kepada rakyat bumiputra yang miskin yang benar-benar mahu berniaga yang mahu berdagang bukannya hanya untuk segelintir orang sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, tadi bila Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh menyentuh juga fasal dasar, saya tegur supaya tumpukan kepada butiran yang tertentu. Sekarang saya sudah beri masa kepada Ahli Yang Berhormat, tolong pendekkan sedikit.

**Tuan Chan Teck Chan:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kerana saya merasa sedih berkali-kali Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh cuba mahu mencaci, mencemar image

DAP, mahu menyalah fahamkan, mahu memesongkan penyertaan rakyat terhadap pendirian DAP mengenai Dasar Ekonomi Baru, maka apabila sesebuah parti diserang (attacked) tentu kita mahu membela (defend) diri sendiri.

Akhirnya saya perlu menyatakan sekali lagi bahawa DAP adalah menyokong sepenuhnya Aktiviti (10) ini dalam matlamat Dasar Ekonomi Baru. Tetapi di sini saya suka mengingatkan Kerajaan bahawa cara perlaksanaannya perlu dioverhaul, perlu dikaji semula supaya kita tidak mahu melihat sampai tahun 1990 50% Ali-Baba menguasai ekonomi 30% ekonomi bumiputra, masyarakat Melayu dan 90% Mohd.-Baba gagal dalam perniagaan mereka. Ini bukanlah matlamat Dasar Ekonomi Baru yang sebenarnya. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Bachok.

4.55 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok):** Tuan Pengerusi, saya hanya akan menyentuh satu dua perkara sahaja yang saya rasa belum disentuh oleh sahabat-sahabat saya dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi, sebagaimana maklum tujuan utama Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ialah untuk mempesatkan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru dalam bidang perdagangan dan perindustrian dan ini terpaksa kita mesti mengejar dan memastikan bahawa kedudukan ekonomi kita kukuh dan stabil. Bagi menstabilkan kedudukan ekonomi negara, Kerajaan mestilah sedaya upaya menambahkan pengeluaran, menambahkan eksport hasil-hasil perkilangan. Kita juga ketahui bahawa Kementerian telahpun ditugaskan ataupun menjadi tanggungjawab Kerajaan bagi memperhebatkan kegiatan-kegiatan galakan eksport selain daripada memperluaskan pasarannya di seberang laut.

Tuan Pengerusi, sebelum daripada saya menyentuh Butiran 1100 maka kerana mengambil sempena Kementerian ini Kementerian Perdagangan maka suka saya nyatakan jumlah eksport sebagaimana yang terdapat dalam buku Laporan Ekonomi kita, yang pertama sekali getah 21%, petroliam mentah 18% . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, tolong tumpukan terus kepada maksud bekalan.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Terima kasih, saya bersetuju dengan nasihat Tuan Pengerusi. Saya pergi terus kepada Butiran 1100, muka surat 189, Aktiviti (1)—Pentadbiran Am dan Kewangan. Peruntukan wang yang dipohon ialah sebanyak \$948,000. Ini bererti bertambah sebanyak \$195,000 pada tahun ini. Dan bila kita mengkaji tentang jawatannya, jawatannya juga turut bertambah tetapi hanya 6 jawatan sahaja yang bertambah daripada 93 kepada 99 jawatan. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian kerana di dalam Aktiviti ini di tahun 1980 akan diperluaskan bidangnya berikutan dengan dsatu penyusunan semula bahagian ini akan dilakukan dengan memusatkan pengurusan kewangan, perkhidmatan dan pentadbiran seluruh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Dengan pemusatan tersebut saya yakin bahawa segala tugas mengenai kewangan khususnya perjawatan Perkhidmatan dan Pentadbiran seluruhnya akan dapat dikendalikan oleh aktiviti pentadbiran dan kewangan ini.

Ada seperkara yang menarik perhatian saya ialah apabila penyusunan itu dibuat nanti dan dipatuhi dengan sebaik-baiknya maka sudah tentu ia akan mempunyai sistem pengurusan kewangan yang kemas dan teratur dan inilah selama ini yang dikehendaki benar-benar di dalam semua Kementerian-kementerian dan semua jabatan-jabatan dalam negara kita ini. Sama ada perbelanjaan Kerajaan itu diambil daripada hasil negara atau dipinjam dari dalam dan luar negeri atau dari kedua-duanya sekali. Jika ini dapat dilakukan maka sedikit-tidaknya kekurangan ahli di dalam bidang perakaunan di Kementerian-kementerian atau pun jabatan-jabatan akan dapat diatasi. Dalam hubungan ini, saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya di samping Kementerian terus menerus untuk menyelia dan mengawal harga barang-barang keperluan pengguna serta memastikan perlindungan yang secukupnya diberi kepada pengeluaran-pengeluaran tempatan maka penyeliaan dan keadaan yang sungguh-sungguh berkesan hendaklah ditumpukan terutama kepada harga barang-barang ganti (spare parts) iaitu barang-barang ganti kenderaan yang melambung tinggi hari demi hari seolah-olah

peniaga-peniaga barang ganti itu berhasrat akan menjadi jutawan dalam saat yang singkat.

Saya beralih pula kepada Butiran 1100, muka surat yang sama iaitu Aktiviti (3)—Bahagian Penguatkuasa. Anggaran perbelanjaan yang dikehendaki ialah sebanyak \$2,072,000. Ini melebihi \$385,000 dan jawatan tidaklah bertambah 6 jawatan sebagaimana Aktiviti yang pertama tadi. Ia bertambah sampai 31 orang. Saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian.

Tujuan Bahagian Penguatkuasa ini sebagaimana yang kita ketahui ialah untuk menentu dan memastikan bahawa pengeluaran bekalan dan pengedar barang-barang keperluan negara mencukupi dalam semua keadaan masa serta mengawasi kedudukan dan mengesan aliran harga barang-barang keperluan di pasaran negara. Jadi untuk mencapai tujuan ini, saya mengesyorkan supaya pihak Kementerian hendaklah menekan dengan serius supaya semua Akta-akta yang berkenaan dilaksanakan dengan betul-betul walaupun negara kita akan bertambah dengan kes-kes yang terpaksa diselesaikan dalam mahkamah . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, duduk dahulu!

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sekarang saya tempohkan Majlis ini selama 20 minit dan kita akan bermesyuarat semula pada pukul 5.20 petang.

*Persidangan ditempohkan pada pukul 5.00 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.25 petang.*

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

*(Tuan Yang di-Pertua memimpin)*  
*Jawatankuasa)*

**Tuan Pengerusi:** Saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab pada pukul 6.00 petang. Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Bachok menyambung ucapannya.

5.25 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya akan menyambung ucapan saya.

Tuan Pengerusi, tadi saya berhenti setakat penguatkuasa. Untuk mencapai tujuan ini semua Akta-akta dan Enakmen-enakmen yang ada di dalam negara kita hendaklah disempurna dan dilaksanakan dengan sewajarnya. Saya berpendapat bahawa Akta-akta dan Enakmen mengenai dengan perdagangan, khususnya Akta-akta dan Enakmen mengenai penguatkuasa perdagangan dan perindustrian setakat ini adalah mencukupi. Umpamanya Akta Kawalan Harga 1946 termasuk Perintah Kawalan Harga, iaitu Penandaan Harga oleh Penjual Runcit 1977; Akta Kawalan Bekalan 1961 termasuk Peraturan Kawalan Bekalan 1974 dan Perintah Kawalan Bekalan Barang-barang Kawalan; Enakmen Timbang dan Sukat; Akta Sewa Beli 1967 termasuk juga Peraturan Sewa Beli Pengambilan Semula Hakmilik dan Penyelenggaraan Rekod-rekod oleh Pemunya 1977; Akta Kemajuan Petroliaam 1974 termasuk Peraturan-peraturan Petroliaam 1978. Jadi sebarang penyiasatan ke atas aduan-aduan bersabit dengan harga dan bekalan barang-barang keperluan harian dan lain-lain barang seperti television berwarna, barang-barang elektrik mestilah diperhebat dan ditambah pegawai-pegawai dan kakitangan penguatkuasa.

Untuk ini saya mencadangkan supaya pegawai dan kakitangan penguatkuasa perdagangan dan perindustrian hendaklah dilipatgandakan lagi. Saya tidak tahu perjawatan 31 yang ditambah pada tahun akan datang ini adakah itu sudah termasuk pegawai penguatkuasa ataupun sebahagiannya tetapi saya mengharapkan dan saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya pegawai dan kakitangan Pegawai Penguatkuasa Perdagangan dan Perindustrian hendaklah dilipatgandakan lagi sekira-kira apabila sahaja pihak Kementerian ataupun pihak Pegawai Penguatkuasa diberitahu tentang sesuatu supaya membuat pemeriksaan mengejut, maka bukan 2, 3 atau 4 tempat sahaja boleh dilakukan pemeriksaan mengejut itu malah hendaklah cukup banyak tempat-tempat dalam negara kita yang boleh dibuat pemeriksaan mengejut oleh Pegawai Penguatkuasa ini.

Saya tidak hendak tunjuk contoh perkara yang berlaku dalam negara, cuma satu sahaja yang saya teringat. Ini berlaku ialah sebelum

daripada peraturan membeli minyak disel mesti disertakan dengan resit, iaitu perkara yang berlaku sebelum daripada 1hb Oktober, 1979. Apabila rakyat memberitahu Pegawai Penguatkuasa Perdagangan dan Perindustrian di salah sebuah negeri dalam Semenanjung, kalau tak silap saya di Trengganu, maka semua stesyen-stesyen minyak di negeri itu ada minyak dengan serta-merta. Ini menunjukkan bahawa bekalan minyak tidaklah begitu merosot seperti yang didakwakan, bahkan Pegawai Penguatkuasa Perdagangan dan Perindustrian yang terlampau kecil bilangannya menjadi masalah.

Sekianlah sahaja, saya menyokong peruntukan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu, lepas ini Ahli Yang Berhormat dari Pagoh, kemudian Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab.

5.29 ptg.

**Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong (Lubok Antu):** Tuan Pengerusi, saya bangun kali ini untuk menyokong Maksud P. 25 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Saya ingin mengesyorkan di sini satu dua masalah di atas muka surat 196, Butiran 2—Perbadanan Kemajuan Pelancungan. Kita sedia dimaklumkan bahawa tanahair kita satu daripada negeri yang lain dalam dunia ini yang sedang menjalankan dan memperkembangkan di bidang perindustrian pelancungan di antarabangsa, di luar negeri ataupun di dalam negeri.

Pelancung-pelancung dari luar negeri melawat ke negara kita mungkin meningkat bertambah setahun demi setahun. Selanjutnya saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan bahawa menambah peruntukan membanyakkan lagi untuk memperbaiki tempat-tempat pelancungan yang sedia ada di negara kita. Ia akan menarik hati pelancung-pelancung.

Kedua, menambahkan tempat pelancungan dan menyediakan satu, dua tapak yang sesuai di Sarawak dan Sabah agar menggalakkan pelancung.

Ketiga, mengirimkan perbadanan dan kakitangan-kakitangan keluar negeri seperti ke Amerika Syarikat, Jepun, Korea, Australia, Eropah dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, orang-orang yang kita kirimkan itu disebabkan untuk memberikan informasi-informasi apa yang terjadi di tempat-tempat pelancungan yang sedia ada di tanahair kita dan juga menggalakkan pelancung-pelancung melawat ke negara kita ini.

Keempat, saya mencadangkan juga di sini iaitu agensi pelancungan hendaklah dibanyakkan lagi khasnya untuk bumiputra di Sarawak.

Oleh yang demikian Kerajaan haruslah memberi latihan untuk menyenangkan mereka menjalankan agensi-agensi tersebut dan juga mengadakan bantuan wang yang akan memudahkan mereka membeli alat-alat seperti kemudahan pengangkutan dan sebagainya.

Kelima, menambahkan ramai lagi penguasa-penguasa perjalanan pelancungan, penulis-penulis dan juru gambar perfileman melawat Malaysia.

Saya rasa program seperti ini sangat mustahak untuk membolehkan mereka memperoleh pengetahuan mengenai negeri ini dan juga bersabit dengan ini aktiviti-aktiviti ini patutlah diambil perhatian untuk memperkenalkan lagi Malaysia menerusi penulisan-penulisan rencana dan tayangan filem yang boleh dibuat oleh mereka di beberapa tahun yang akan datang.

Keenam, sungguhpun begitu negara kita sedang ataupun akan menjalankan perkembangan industri pelancungan di seluruh tanahair kita tetapi pihak bertanggungjawab terutama sekali Menteri yang berkenaan bahawa dengan sepenuhnya mengambil tindakan untuk menjaga belia-belia semua kaum masyarakat dari tuduhan-tuduhan yang palsu dan juga nama baik negara kita disebabkan masalah ini selalu berlaku khasnya di negeri Sarawak. Perkara ini selalu berlaku yang ditimbulkan oleh agensi-agensi pelancungan di Sarawak yang mengatakan gadis-gadis kaum bumiputra di Sarawak tidak berbaju dan memperlihatkan gambar gadis-gadis yang sudah lama dibuat beberapa tahun yang kebelakangan. Mereka masih sangat aktif mengumpul atau mencetak gambar-gambar

seperti itu dan menulis kisah-kisah yang tidak tertentu dan palsu. Inilah sabotaj yang memburukkan imej Sarawak, khasnya negara kita mengatakan dan mempaparkan sesuatu yang bukan realiti.

Tuan Pengerusi, oleh yang demikian saya ingin merayu dan mencadangkan di sini bahawa Kementerian yang berkenaan mestilah mengambil tindakan berat dan menyiasat agensi-agensi pelancungan yang melakukan kisah-kisah yang palsu dan buruk seperti itu dan juga mengutip atau menghapuskan gambar-gambar gadis yang lama itu dari penjual-penjual di hotel-hotel di seluruh tanahair kita khasnya di Sarawak. Saya berharap tindakan segera akan diambil.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya agak penting sekali hendak saya sentuhkan di atas Maksud B. 25, Butiran 2300, muka surat 191 iaitu berkaitan dengan harga barang-barang yang tidak seimbang dilakukan oleh pekedai-pekedai. Barang-barang yang sangat perlu seperti beras pulut, tepung pulut, tepung kopi, minyak makan, gula, kacang tanah, telur, beras, buah-buahan dan semua jenis-jenis rempah sangat perlu untuk pengguna-pengguna yang selalu melambung naik harganya dinaikkan oleh penjual-penjual di pekan-pekan kecil dan di luar-luar bandar. Mereka seolah-olah sengaja menaikkan harga barang tersebut semasa Hari Raya Haji, Hari Raya Puasa, Krismas, Hari Deepavali, Chinese New Year dan Gawai Dayak. Perkara ini berlaku tiap-tiap tahun. Orang ramai lebih-lebih lagi golongan yang miskin dan berpendapatan rendah selalu mengatakan dan menyalahkan Kerajaan kita di atas perkara ini kerana tidak mengambil tindakan segera yang sewajarnya. Jika masalah ini dibiarkan seperti ini ianya akan menindas dan memburukkan Kerajaan kita.

Dari segi ini Kerajaan ataupun Yang Berhormat Menteri yang berkenaan patutlah menyiasat dan menghapuskan masalah ini.

Tuan Pengerusi, menaikkan harga barang-barang dengan sengaja dan tidak tertentu ini ialah menyusahkan dan dihadapi oleh rakyat kita yang miskin dan berpendapatan rendah.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat kebanyakan pekedai-pekedai di pekan-pekan kecil tidak menyematkan harga barang-barang di atas semua barang-barang mereka. Ini satu masalah yang menumpu rakyat kita

di luar bandar. Saya berharap Yang Berhormat Menteri berkenaan akan mengambil perhatian dan tindakan segera terus dijalankan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Pagoh.

5.38 ptg.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh):** Tuan Pengerusi, saya bangun bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang lain walaupun yang akhir untuk memberikan sedikit pandangan bagi menyokong di atas Belanjawan yang dimonhlon oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh satu aspek sahaja iaitu berhubung dengan Maksud B. 25 di bawah Aktiviti (5)—Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Penyelarasan dan Aktiviti (6)—Kemajuan Perindustrian.

Tuan Pengerusi, satu daripada perusahaan yang diminati ramai tetapi kurang mendapat perhatian dari pihak-pihak yang diminati ramai tetapi kurang mendapat perhatian dari pihak-pihak yang bertanggungjawab ialah industri ataupun perusahaan perfileman dan lebih berat lagi adalah disebabkan perusahaan ataupun industri perfileman ini sebahagian besarnya di peringkat tempatan adalah diusahakan oleh pengusah-pengusaha bumiputra.

Kalau hendak dikatakan, Tuan Pengerusi, industri perfileman ini adalah satu bidang industri yang baru adalah satu perkara yang agak keterlaluan, tetapi adalah tidak dapat dinafikan bahawa industri perfileman juga merupakan salah satu daripada perusahaan yang begitu lukratif (lucrative) ataupun menguntungkan. Jika kita mengambil iktibar daripada kemajuan-kemajuan negara-negara barat, negara-negara perindustrian satu daripada sumber penting hasil pendapatan pertukaran wang asing adalah diperolehi melalui sumber industri perfileman, tetapi berlainan sekali di negara kita walaupun negara kita kerana industri perfileman kita kurang mendapat perhatian daripada masyarakat walaupun ini tidak dapat dinafikan peranan yang mereka mainkan, bukan setakat untuk memberikan hiburan kepada masyarakat, bahkan memberikan pendidikan dan juga memberikan hasil keuntungan dan pendapatan yang lumayan kepada pihak yang tertentu.

Pendeknya, Tuan Pengerusi, industri perfileman bumiputra menghadapi keadaan dilemma sekarang ini, keadaan yang meruncing, walaupun mengikut kajian secara kasar permintaan dari segi bidang ini begitu bertambah dengan sebab kemawahan bertambah dan lebih ramai rakyat kita mempunyai wang yang berlebihan dibelanjakan untuk hiburan tetapi dari segi industri ini bolehlah dianggap sebagai industri seumpama sabut yang dipukul gelombang, kadang-kadang timbul dan banyak kali tenggelam.

Jadi dalam hal ini saya ingin mendapat penjelasan dan perhatian khasnya daripada Kementerian Perdagangan dan Perusahaan apakah langkah-langkah dan tindakan yang sedang dan akan diambil oleh pihak Kementerian untuk menentukan terutamanya industri perfileman yang kebanyakan diusahakan oleh bumiputra itu akan terus berkembang dan maju dan juga akan memberikan sumbangan yang bermakna terhadap usaha-usaha kita dan usaha Kerajaan bagi meningkatkan keperibadian dan kesedaran nasional di kalangan rakyat dan memperkenalkan negara kita di kalangan antarabangsa.

Tuan Pengerusi, masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha filem bumiputra adalah banyak. Saya percaya perhatian Kerajaan sememangnya ada terhadap industri perfileman ini, oleh sebab di dalam Anggaran ataupun di dalam Belanjawan yang telahpun dibentangkan baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan telahpun mengumumkan penurunan cukai di atas filem-filem yang diimport daripada luar negeri. Ini adalah satu pertolongan dan bantuan yang baik dan wajar yang patut diberikan kepada satu industri yang baru dalam negara kita tetapi setakat memberikan penurunan cukai tidak memadai sebab masalah yang dihadapi oleh pengusaha filem bumiputra adalah banyak.

Pertamanya, dari segi masalah modal sebagaimana juga yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha di bidang-bidang yang lain, masalah yang dihadapi oleh pengusaha filem bumiputra juga dari segi kepakaran (expertise), mereka juga menghadapi masalah dari segi kurang latihan, kurang bimbingan dari segi teknik perfileman dan lebih berat lagi masalah yang dihadapi oleh mereka oleh sebab competition atau pertandingan yang hebat dengan pengusaha filem luar negeri yang memasarkan filem-filem mereka di dalam negara ini. Masalah pengusaha filem

bumiputra juga adalah masalah pemasaran. Kita biasa dengar melalui akhbar tentang adanya pengusaha filem tempatan yang melahirkan dan mengeluarkan hasil karya mereka tetapi menghadapi masalah besar oleh sebab tidak ada tempat pawagam, panggung wayang yang boleh digunakan untuk ditayangkan filem mereka. Mereka juga menghadapi masalah dari segi kekurangan kepakaran, dari segi teknik mengeluarkan filem yang bermutu tinggi.

Jadi semua masalah itu adalah masalah yang besar sedangkan kita percaya usaha-usaha patut dan haruslah dijalankan khasnya oleh pihak Kementerian dan Kerajaan umumnya untuk menentukan industri ini tidak akan mati. Kita masih boleh meneliti sejarah perkembangan filem-filem Melayu, yang pada satu ketika dahulu di dalam tahun-tahun 40an-50an adalah tahun zaman kegemilangan filem Melayu. Kita mengucapkan tahniah kepada pengusaha-pengusaha filem bukan bumiputra dewasa itu yang telahpun memainkan peranan untuk menghidupkan imej ataupun memaparkan tentang keperibadian kebudayaan orang Melayu dewasa itu. Tetapi di dalam masa sekarang ini perhatian pengusaha-pengusaha ini sudah berkurangan mungkin kerana perkara yang lain yang lebih lumayan, tempat-tempat lain yang lebih berfaedah yang boleh mereka jalankan dan tinggallah industri perfileman ini satu keadaan kekosongan dan dengan sebab itu lahirlah bakat-bakat baru di kalangan pengusaha-pengusaha tempatan iaitu mereka yang lahir dari kalangan bawahan yang dahulunya pelakon-pelakon kemudian menjadi pengaruh dan kemudiannya pula mencuba diri mencuburkan diri dari segi mengusahakan, mengeluarkan filem-filem. Mereka ini telahpun memberikan sumbangan yang berguna terhadap menghidupkan kembali usaha-usaha bagi mempergiatkan industri perfileman di kalangan bumiputra di negara ini, tetapi walaupun begitu industri perfileman di dalam negara ini masih lagi boleh dikatakan dimonopoli oleh pengusaha-pengusaha bukan bumiputra dan lebih buruk lagi oleh pengusaha-pengusaha luar negeri. Panggung-panggung wayang khasnya tempat-tempat tayangan filem yang ada di dalam negara ini di mana-mana juga sebahagian besarnya adalah dimonopoli ataupun dikuasai atau dimiliki oleh pengusaha-pengusaha bukan bumiputra. Demikian juga oleh sebab tidak ada larangan dan kurang sekali sekatan yang

dikenakan terhadap mengimport filem daripada luar negeri maka terdapat banyak filem yang ditayangkan di negara ini adalah filem yang dihasilkan oleh pengeluar, pembuat, pengusaha filem dari luar negeri sehingga kadang-kadang kita menganggap di negara kita ini sebagai satu dumping ground bagi filem-filem asing.

Satu segi lagi, Tuan Pengerusi, iaitu kalau dapat Kerajaan memberikan statistik akan membuktikan bahawa sebahagian besar daripada hasil pertukaran wang asing kita terpaksa disalurkan ke luar negeri sebab industri perfileman adalah dikuasai oleh segelintir millionaire dan pengusaha-pengusaha besar yang monopolistik yang ada di Hongkong, di Amerika Syarikat, di Eropah dan sebagainya. Jadi itulah nasib industri perfileman bumiputra, Tuan Pengerusi.

Saya mengalu-alukan tentang cadangan Kerajaan untuk menubuhkan Perbadanan Filem Nasional yang mana saya difahamkan bahawa suatu akta sedang dirangka ke arah menubuhkan satu Perbadanan Filem Nasional ini yang bertujuan untuk melindungi hak-hak dan memberi galakan kepada industri perfileman terutama untuk memberi insentif atau galakan kepada pengusaha-pengusaha filem tempatan.

Apa yang saya difahamkan, mungkin laporan akhbar tidak begitu tepat, Akta Perbadanan Filem Nasional ini tidak akan dibentangkan dengan sebab pendapat-pendapat yang rasmi mengatakan bahawa keadaan masih belum sampai dengan sebab di dalam setahun hanya lebih kurang 10 sehingga 15 buah filem tempatan sahaja dikeluarkan, tetapi ini adalah suatu sebab yang kurang wajar, sebab sebagaimana yang saya terangkan tadi bahawa usaha-usaha hendaklah dan patut dijalankan oleh Kerajaan supaya industri-industri yang sekarang ini telah mula menunjukkan tumbuh kembali hendaklah diberikan perlindungan yang seluas-luasnya.

Perbadanan Filem Nasional haruslah menjalankan usaha-usaha untuk mengadakan rancangan-rancangan yang sesuai untuk menggalakkan industri perfileman di dalam negara ini, menjalankan rancangan-rancangan untuk melahirkan lebih ramai pengusaha-pengusaha filem, pengeluar-pengeluar filem tempatan terutama di kalangan bumiputra dan juga untuk menentukan supaya satu mutu, suatu qualiti yang berpatutan, mutu pengeluaran yang tinggi harus diusahakan

oleh pengusaha-pengusaha filem yang tersebut. Perbadanan Filem Nasional perlu di-segerakan dan patut ditubuhkan dalam negara ini. Oleh sebab suatu aspek daripada masalah yang dihadapi oleh pengusaha filem khususnya di kalangan bumiputra ini ialah untuk memecah benteng bagi memasuki bidang pemasaran filem di peringkat antarabangsa. Kita ketahui sekarang ini sudah pun ada petanda-petanda yang baik yang menunjukkan bahawa industri perfileman khasnya yang diusahakan oleh bumiputra ini mendapat sambutan yang baik, bukan sahaja dalam negara ini bahkan di luar negeri, maka adalah amat wajar sekali perbadanan ini ditubuhkan supaya dapat menggalakkan industri ini berkembang dengan lebih luas dan juga dapat memberikan peluang-peluang pemasaran yang lebih luas juga bagi filem-filem yang diusahakan oleh pengusaha-pengusaha negara ini.

Sebagaimana yang kita ketahui baru-baru ini beberapa buah filem telahpun dihantar untuk ditanding di peringkat Asian Film Festival yang diadakan di Singapura dan ada beberapa buah filem tempatan telahpun mendapat hadiah tempat yang terbaik di kalangan filem-filem Asia yang dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha luar negeri. Ini satu daripada petanda yang baik. Satu perkara yang harus memberi kesedaran kepada kita bahawa memang ada bakat-bakat tempatan kita yang dapat melahirkan dan mengusahakan bidang perfileman ini sehingga mencapai peringkat antarabangsa. Jadi adalah wajar sekali dan saya menyeru dan berharap pihak Kementerian akan memikirkan dengan sedalam-dalamnya supaya Perbadanan Filem Nasional ini akan dapat ditubuhkan.

Perkara yang kedua, di bawah Aktiviti (10) Penyertaan Bumiputra. Di dalam buku Program dan Prestasi yang telahpun diedarkan bagi Belanjawan 1980 ada disenaraikan tentang pencapaian matlamat untuk menambah bilangan pengedar-pengedar bumiputra di dalam bidang-bidang, jenis-jenis barang dan perkhidmatan yang tertentu. Pada pandangan saya memanglah ini baik dan usaha-usaha memang perlu dilipatgandakan supaya peratus penyertaan ini akan dapat ditambah dan ditingkatkan lagi bukan setakat 30% bahkan lebih daripada itu. Satu aspek yang juga penting di dalam aktiviti penyertaan bumiputra ini, bukan setakat penyertaan dari segi bilangan tetapi yang paling penting ialah untuk kita menentukan bahawa penyertaan

itu adalah penyertaan yang efektif. Kita tidak mahu melihat bahawa umpamanya dalam pengedaran minyak tanah 20.6% sudah pun dicapai dalam segi bilangan pengedar-pengedarnya, tetapi yang kita mempersoalkan sama ada bilangan jumlah pengedar ini adalah yang berkesan ataupun tidak. Ini adalah satu perkara yang perlu dititikberatkan oleh Kementerian dan saya berharap mudah-mudahan dengan usaha yang lebih gigih yang dijalankan oleh Bahagian Penyertaan Bumiputra ini maka kesan yang lebih mendalam akan dapat kita lihat dari segi penambahan dan peningkatan penglibatan bumiputra di dalam sektor-sektor yang disebutkan tadi.

Sekianlah sahaja pandangan saya dan saya berharap mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan apa yang telah saya sarankan tadi dan pada akhirnya saya mengucapkan tinggi-tinggi tahniah dan juga menyokong di atas peruntukan yang diminta oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri.

*5.55 ptg.*

**Dato Lew Sip Hon:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah melafazkan teguran-teguran dan syor-syor yang begitu membina atas peruntukan di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan saya suka-lah memberi jaminan akan memberi pertimbangan kepada cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Jumlahnya ada 7 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan dan bolehlah saya menjawab di bawah enam perkara. Pertama, mengenai dengan perindustrian; kedua, mengenai harga barang-barang atau kawalan harga; ketiga, di bawah perkara Majlis Penasihat Perlindungan Pengguna dan juga Penyelidikan Pengguna; keempat, Penyertaan Bumiputra dalam perniagaan dan perindustrian; kelima, pelancungan; dan keenam, lain-lain hal.

Berkenaan dengan perindustrian, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menimbulkan persoalan mengenai perkhidmatan Majlis Penyelarasan

bagi Pembangun Perusahaan-perusahaan Kecil dan sebagai satu badan penasihat tidak memberi kesan dalam pembangunan perusahaan-perusahaan kecil. Sukalah saya menjelaskan bahawa kita tidak boleh menafikan peranan yang dimainkan oleh perusahaan-perusahaan kecil dan pembangunan perusahaan-perusahaan kecil adalah merupakan satu perkara yang sentiasa diperhebatkan dalam memperbaiki taraf ekonomi rakyat yang kurang berada seperti yang disarankan di Rancangan Malaysia Ketiga. Pada masa sekarang terdapat tidak kurang daripada 8 Kementerian dan 20 agensi Kerajaan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberi bantuan dan memupuk perkembangan industri dalam bidang-bidang yang tertentu. Badan-badan ini ialah seperti MARA, Pusat Daya Pengeluaran Negara (NPC), Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), SIRIM, MIDF, Credit Guarantee Corporation, Bank Pembangunan Malaysia dan Bank Pertanian Malaysia. Perkhidmatan dan bantuan yang disumbangkan oleh institusi atau agensi-agensi Kerajaan ini adalah beraneka jenis. Antaranya adalah memberi bantuan jaminan seperti Bank Pertanian, Bank Pembangunan, MARA dan lain-lain; memberi jaminan pinjaman; memberi latihan seperti NPC dan MARA; memberi bantuan-bantuan teknik seperti MIDA; mendapat tapak kilang dan juga memberi beberapa jenis nasihat kepada pengusaha-pengusaha kecil.

Perkara-perkara seperti ini diperkembangkan dan dilanjutkan dari masa ke semasa untuk memupuk perkembangan perusahaan-perusahaan kecil. Galakan-galakan ada juga ditawarkan kepada industri-industri kecil dan galakan-galakan ini adalah disemak, dikaji dan dipupuk untuk mendorong pembangunan perusahaan-perusahaan kecil.

Sebagai program lanjutan Kerajaan telah pada tahun 1973 menubuhkan Majlis Penyelarasan bagi pembangunan perusahaan-perusahaan kecil iaitu yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu yang cuma memberi nasihat tetapi selain daripada memberi nasihat dia menyelaraskan (co-ordinate) aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan industri-industri kecil ini.

Majlis Penyelarasan bagi pembangunan perusahaan kecil juga menganjurkan kursus-kursus di peringkat negeri bagi tujuan berikut:

- (1) Mendapatkan maklumat mengenai pengusaha-pengusaha yang berminat untuk mengendalikan sesuatu bidang perniagaan;
- (2) Memberi pandangan kepada mereka tentang peluang pelaburan dan kemudahan-kemudahan yang sedia ada;
- (3) Memberi petunjuk kepada mereka tentang aspek-aspek yang patut difikirkan sebelum mendirikan sesuatu projek perusahaan;
- (4) Menerangkan kepada pengusaha-pengusaha tentang cara-cara dan dasar bagi mendapatkan pinjaman; dan
- (5) Menghuraikan perkara-perkara yang perlu untuk mendapatkan pinjaman.

Setakat ini tidak kurang daripada lima kursus telah diadakan. Sukalah saya menjelaskan bahawa Kerajaan tidak berpuashati dengan hanya memberi perkhidmatan yang disebutkan ini bahkan juga Kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk memperbaiki dan memajukan lagi pembangunan perusahaan-perusahaan kecil.

Pada masa sekarang satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh pegawai kanan daripada Yunit Perancang Ekonomi sedang mengkaji satu program lagi untuk menubuhkan pembangunan perusahaan-perusahaan kecil dan keputusan belum dibuat sama ada langkah-langkah ini baik dijalankan untuk menubuhkan satu agensi sahaja bagi menyelaraskan perkembangan perusahaan-perusahaan kecil ataupun untuk menambah dan menguatkan lagi Jawatankuasa Penyelaras dan sekretariat-sekretariatnya. Ini masih dalam pertimbangan Kementerian saya.

Selain daripada itu Kementerian saya khususnya Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) ada membuat kajian-kajian mengenai projek-projek perindustrian kecil. LKPM juga mengadakan pusat penerangan kepada pengusaha-pengusaha kecil. Satu katalog mengenai maklumat-maklumat, makalah-makalah, buku-buku mengenai perusahaan-perusahaan kecil ditempatkan di kutub-khanah LKPM. Pusat ini juga dapat menyalurkan maklumat-maklumat mengenai tulisan-tulisan dalam

kutub-khanah, institusi-institusi yang menjadi ahli kepada Majlis Penyelarasan dan pembangunan perusahaan-perusahaan kecil.

Dengan berbagai jenis bantuan, nasihat, kajian dan galakan yang diberikan kepada pengusaha-pengusaha kecil seperti saya sebutkan tadi maka tidak wajarlah Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar menyatakan Kerajaan tidak memberi tumpuan penuh kepada pengusaha-pengusaha kecil. Walau bagaimanapun pandangan Ahli Yang Berhormat itu terhadap memajukan lagi perusahaan kecil adalah pandangan yang baik dan Kerajaan akan mengkaji langkah-langkah yang sesuai bagi mendorong perkembangannya.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan mengenai Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA) dan apabila saya dengar itu daripada Ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang, saya rasa saya dengar lagu yang dimainkan pada tahun yang lepas. Pada tahun 1979 Ahli Yang Berhormat dari Seremban pun telah meminta Kerajaan memansuhkan ICA dan pada masa itu saya telah mengatakan Kerajaan tidak dapat menyahut seruan yang dibuat oleh Yang Berhormat oleh kerana Kerajaan tidak bersetuju bahawa Akta ICA ini telah menghalang pelaburan dan pertumbuhan ekonomi di dalam negara ini.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Undang-undang ini adalah bertujuan untuk memastikan perkembangan sektor perkilangan yang lebih teratur dan diselaraskan yang mana boleh meningkatkan kepercayaan para pelabur untuk terus menanam modal di dalam sektor ini. Dari segi perkembangan pelaburan di negara ini Kerajaan tidak bersetuju bahawa Akta ini merupakan satu faktor utama yang menyekat perkembangan tersebut. Dan saya pun telah beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini memberi perangkaan-perangkaan yang menunjukkan perkembangan perindustrian pada masa-masa yang lalu seperti tahun 1977, 1978 dan 1979 dan saya tidak menerima pandangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang mana Akta ini patut dimansuhkan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah membangkitkan perkara yang mana kita mengeneppikan pela-

buran daripada pelabur-pelabur di dalam negeri dan beri keutamaan kepada pelabur-pelabur daripada luar negeri. Barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat itu cuma membaca suratkhbar yang mana mass-media memberi banyak publisiti kepada pasukan pelaburan yang pergi ke luar negeri untuk menarik investment daripada luar negeri. Tetapi kalau kita pandang angka-angka yang saya telah beri apabila saya membentangkan estimate Kementerian saya ini, saya pun telah beri angka-angka yang menunjukkan bahawa penanam modal daripada pelabur-pelabur dalam negeri adalah lebih daripada pelabur luar negeri. Dan juga apa-apa insentif yang kita beri kepada pelabur, ini diberi kepada semua pelabur, bukan sahaja pelabur luar negeri tetapi juga pelabur-pelabur yang datang daripada dalam negeri. Dan apa sebab pada masa sekarang kita hendak menarik pelaburan daripada luar negeri atau modal daripada luar negeri adalah disebabkan perindustrian negara kita ini sudah sampai ke peringkat yang mana kita katakan "export-orientated industry". Kita sudah sampai "saturation point" dalam perusahaan import substitution dan sekarang kita mengutamakan kepada perusahaan yang boleh menggunakan bahan-bahan mentah negara kita ini yang boleh mengambil comparative cost advantage yang kita ada di negara kita ini untuk membuat barang-barang untuk eksport. Dan sebab kita hendak satu teknologi dan "know how" dan yang lebih mustahak kita hendak pasaran tertentu, kita hendak pasaran luar negeri (marketing channel) yang boleh memasarkan barang-barang yang dibuat di negara kita ini dan oleh sebab itu beberapa kali Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengetuai rombongan pergi ke luar negeri untuk menarik kepakaran dan juga modal supaya kita boleh menjayakan perindustrian dalam peringkat export orientation.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar bertanya berapa bilangan permohonan ICA telah diterima oleh Kementerian saya. Pada 31hb Oktober, 1979 jumlah yang diterima ialah 3,231 dan daripada itu 58 dikecualikan (exempted) dengan sebab-sebab sama ada modal di bawah daripada \$250,000 atau pekerja-pekerja kurang daripada 25. Jadi bakinya 3,173 dan daripada itu permohonan yang ditolak cuma 30

kurang daripada 1% dan ini kerana perindustrian itu untuk pasaran tempatan (domestic market) yang mana sekarang sudah mencukupi (saturated). Pada masa ini yang ditolak 30 yang ditangguh 11, ini kita menunggu maklumat-maklumat tambahan dan yang diluluskan 2,889 yang masih dalam proses 243. Ini membuktikan dalam Kementerian saya ini kita menjalankan tugas menyelesaikan perindustrian dalam ICA ini dengan memuaskan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga telah bertanya berkenaan dengan central unit dan apakah keadaan mencapai package deal system yang saya sebutkan pada tahun yang lepas. Package deal system ini tujuan matlamatnya ialah supaya kita boleh mengelakkan satu permohonan untuk mengadakan satu kilang di negara kita ini daripada kena pergi ke tiap-tiap tempat atau agensi Kerajaan untuk mendapat lesen dan sebagainya. Untuk mencapai matlamat ini konsep Kementerian saya ialah Kementerian menjadi tempat yang mana semua kebenaran boleh diperolehi pada masa sekarang kita pun telah mengkaji bagaimana kita memindah kebenaran atau pertimbangan yang dibuat di bawah badan yang lain kepada Kementerian saya baik di dalam MIDA atau di bahagian perindustrian. Perkara yang telah dipindah itu ialah seperti application bagi key-post atau expatriate post dahulu dikaji dan keputusan dibuat dalam Malaysianisation Committee ini telah dipindahkan kepada Committee dalam MIDA dan juga exemption bagi tax equipment yang dahulu di Treasury dan sekarang sudah pindah, di Kementerian saya ada satu Jawatankuasa Khas bagi perlindungan tarif ini masih berjalan.

Kita harap apabila semua perkara berkaitan dengan perindustrian atau berkaitan dengan memberi lesen itu dapat disusun di bawah Kementerian saya kita telah sampai destination untuk mengadakan package deal. Ini kena dibuat peringkat seperingkat dan saya harap kita boleh mengelakkan masa menunggu permohonan bagi pelabur-pelabur untuk menubuh kilang di Malaysia kita ini.

Ada banyak Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara mengenai kawalan harga dan juga kajian semula harga (price review). Suka saya menyatakan bahawa bukan semua barang harganya dikawal oleh Kementerian saya. Ada setengah

orang mengatakan kalau harga chocolate, sweets sudah naik dia kata kenapa Kementerian tidak mengawal harga itu. Apabila lain-lain barang sudah naik harga, Kementerian ini dituduh tidak mengambil apa-apa langkah. Suka saya menyatakan Kementerian saya cuma mengawal 19 jenis barang-barang di bawah Akta Kawalan (Control of Supply Act) dan ini adalah barang-barang keperluan seperti beras, tepung gandum, simen, besi keluli dan lain-lain barang. Kalau harga itu dinaikkan dengan tidak ada fasal akan mengakibatkan inflasi di negara kita ini. Selain daripada itu, kita ada mengawal harga barang-barang dalam industri yang mendapat insentif atau mendapat perlindungan tarif (tariff protection) seperti tayar, spark plug, calcium carbide, aluminium product, kunci basikal dan lain-lain. Ini sebab industri itu mendapat perlindungan tarif dan apabila kilang itu hendak menaikkan harga mesti meminta kebenaran daripada Kementerian saya.

Ada Ahli Yang Berhormat berkata apabila harga naik kita memberi kebenaran tetapi jika keadaan itu membenarkan turun harga Kementerian saya tidak buat apa-apa. Ini tidak betul sebab pada satu masa yang mana tepung gandum (wheat flour) sudah sampai 45 sen yang mana wheat telah turun harga, kita telah menurunkan harga daripada 45 sen kepada 40 sen. Masalah mengkaji naik harga ini mesti dipandang dari dua segi dan ini dua segi ada conflicting, satu dari segi pengguna yang mana kita tidak mahu harga itu naik kerana mengakibatkan naik sara hidup tetapi kita pun mesti pandang daripada pengeluar (manufacturer). Kalau manufacture itu harga tidak mencukupi untuk kos pengeluaran barang-barang itu tidak dapat dikeluarkan dan jika barang itu tidak dapat dikeluarkan pengguna lagi bising sebab tidak dapat bekalan barang ini. Ini ialah satu vicious cycle yang mana kita dalam kajian ini mesti mengambil perhatian dan dari masa ke semasa kita terima permohonan daripada kilang-kilang atau industri-industri untuk menaikkan harga seperti sekarang dalam Kementerian saya ada 10 perkara yang telah membuat permohonan kepada Kementerian saya untuk menaikkan harga seperti tepung gandum sudah hendak naik 10 sen. Ini kajian hampir selesai tetapi tayar "Goodyear hendak naik harga 9.7% ini sedang dikaji. Spark plug mahu naik 50 sen satu biji. Lain-lain LPG

dia naik 10 sen sepound. Besi bulat seperti orang kata dalam akhbar pembuat tidak mahu buat saiz yang tidak menguntungkan, sebab dia kata ada permohonan dibuat kepada Kementerian tetapi Kementerian saya belum buat apa-apa lagi. Dia hendak naik harga besi bulat 5% yang mana tahun dahulu telah naik 10% tetapi kita akan kaji ini sebab ini datang daripada 4 kilang kecil tetapi kilang yang besar, Malayawata ia minta kenaikan harga lebih daripada yang diminta oleh kilang-kilang kecil itu. Dan juga lain-lain barang seperti susu tepung, aluminium products dan lain-lain. Dan ini ialah satu perkara yang mana kita mesti mengkaji sebagai sensitive items dan kita mesti bawa kepada Price Review Committee yang mana ada wakil daripada Majlis Penasihat Pelindung Pengguna. Ini ialah satu masalah yang mana kita mesti mengkaji dengan teliti sebelum kita buat apa-apa keputusan.

Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu ada juga membangkitkan perkara di musim perayaan yang mana ada peniaga-peniaga yang tertentu yang tidak meletakkan tanda harga. Ini saya boleh kata di bawah undang-undang yang dikuatkuasa oleh Kementerian saya dan kita ada kuasa untuk mengambil tindakan keras terhadap sesiapa yang menyelewang ataupun melanggar undang-undang itu.

Perkara yang ketiga ialah berkenaan dengan Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan yang mana Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah mencadangkan supaya ditubuhkan satu Jabatan Hal Ehwal Pengguna (Consumers Affairs Department). Oleh sebab kata Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu Majlis Penasihat Pelindung Pengguna ini cuma satu badan penasihat dan tidak ada kuasa-kuasa. Perkara ini pun telah dikaji dengan teliti oleh Majlis itu dan Majlis itu pun telah membuat laporan tetapi Kementerian saya ini kena kaji sebab isu-isu pengguna semasa yang perlu dititik beratkan ialah kebanyakannya mengenai harga dan bekalan barang-barang, yang mana pada masa sekarang dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Dan di Kementerian ini, kita ada berhubung rapat dengan pihak Majlis ini, sebab banyak perkara berkenaan dengan kawalan harga dan

juga bekalan itu dijalankan melalui beberapa Akta-akta seperti Ordinan Kawalan Harga 1946, Akta Kawalan Bekalan 1961 dan lain-lain dan ini dilaksanakan oleh Kementerian saya dan kalau ini dijalankan oleh satu badan yang tertentu ataupun satu badan yang berpisah daripada Kementerian, ini akan menghadapi masalah-masalah yang mana kita rasa Kementerian saya ini boleh menjalankan dengan lebih licin dan sempurna.

Perkara ini juga ada berhubung dengan sektor swasta seperti sektor perkilangan, perniagaan, pengimpot-pengimpot yang lain-lain yang secara langsung memainkan peranan yang penting kepada kepentingan-kepentingan pengguna. Dan pada masa sekarang kita ada bentuk perhubungan di antara Kementerian ini dengan pihak swasta yang mana secara tidak langsung membolehkan pihak Majlis mendapatkan kerjasama yang sangat memuaskan daripada kalangan swasta di dalam mengkaji, membincang dan merumuskan kaedah-kaedah dan sumbangan mereka ke arah kepentingan pengguna. Jadi banyak juga faedah-faedah yang seumpama ini yang dicapai oleh pihak Majlis dan saya bangga menyatakan di sini iaitu sumbangan-sumbangan dari kalangan swasta di dalam melaksanakan cadangan-cadangan pihak Majlis ada dibuat secara persetujuan sukarela (gentleman's agreement) dan saya bimbang akan kerjasama rapat seperti ini mungkin sukar diperolehi sekiranya Majlis diletakkan di luar Kementerian Perdagangan dan perindustrian. Jadi ini ialah masalah yang mana Kerajaan mesti mengkaji dengan teliti sama ada satu Jabatan Hal Ehwal Pengguna boleh menjalankan tugas lebih berkesan dengan satu Majlis yang sekarang ditubuh di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan alasan-alasan yang saya berikan tadi.

Seperti Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar sedia maklum ini ialah satu perkara yang dikaji dengan sepenuhnya oleh Majlis Pengguna itu dan saya rasa pada masa sekarang yang lebih mustahak ialah pendidikan pengguna (consumers' education).

Ahli Yang Berhormat dari Teluk Anson telah mencadangkan supaya kita memberi lebih pengetahuan kepada pengguna-pengguna yang mana pengguna itu boleh membuat keputusan sama ada membeli barang itu jika harga barang itu lebih di kedai ini

berbanding dengan kedai yang lain. Ini terpulanglah kepada pengguna-pengguna sendiri yang mana kekuatan pengguna lebih berkesan jika pengguna-pengguna lebih faham apakah hak pengguna. Dan di bidang ini Kementerian saya melalui Majlis Penasihat Pelindung Pengguna pun telah ada seminar di beberapa tempat.

Di masa yang lepas kita ada satu seminar di Johor Bharu, satu di Kuching dan satu di Kuala Trengganu dan pada bulan Disember ini kita akan adakan di Alor Star dan saya rasa terpulanglah kepada Persatuan Pengguna di tiap-tiap negeri untuk menjalankan pendidikan pengguna dengan lebih berkesan supaya kita boleh mendapat satu badan yang mana pengguna-pengguna boleh membuat keputusan (freedom of choice).

Ada dua tiga orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh berkenaan dengan penyertaan bumiputra di lapangan perdagangan dan perindustrian. Saya rasa saya tidak mahu tambah apa yang saya katakan dalam ucapan saya kelmarin yang mana

saya telahpun berkata bahawa penyertaan bumiputra dalam sektor perkilangan dalam tahun 1979 adalah menggalakkan dan saya juga telah berkata bahawa Kementerian saya ini telah memberi keutamaan kepada penyertaan bumiputra yang mana kita mengambil langkah-langkah bagi memesatkan lagi penyertaan bumiputra di dalam berbagai jenis perniagaan. Dan saya telahpun memberi angka-angka tetapi saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Pagoh, yang mana katanya . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat boleh sambung esok.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok, 23hb November, 1979.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*